



# Mutiara • buletin



www.buletinmutiara.com

Cekap

Akantabel

Telus

1 – 15 MAC, 2018



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>  
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

## Pulau Pinang kekal sebagai Negeri Berkebijakan, Negeri Keusahawanan & Negeri Pintar



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri sambil memegang plakad 'Saya ♥ Pulau Pinang' dan bendera negeri bergambar kenangan sejeurus selesai Majlis Sambutan 10 Tahun Kerajaan Pakatan Pulau Pinang di Padang Kota Lama baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi jaminan bahawa Pulau Pinang akan tetap menjadi negeri yang berjiwa rakyat sekiranya mandat rakyat diberikan sepenuhnya pada Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan 10 Tahun Kerajaan Pakatan Pulau Pinang dekat Padang Kota Lama di sini 11 Mac lalu.

Menurut Guan Eng, sejak mengambil alih tampuk pentadbiran pada 2008, pelbagai perubahan dan pencapaian dapat dikecapi oleh semua lapisan rakyat di negeri ini tanpa mengira latar belakang.

"Malah, saya jamin dan gerenti Pulau Pinang akan kekal menjadi negeri berkebijakan, negeri keusahawanan dan negeri pintar bukan sahaja di Malaysia dan Asia Tenggara, malah juga di

Asia seperti yang dilaporkan berita BBC (*British Broadcasting Corporation*) baru-baru ini (bahawa) Pulau Pinang bakal menjadi 'Silicon Valley' di Asia kelak.

"(Dan) semua ini sangat penting, sebab itu kita (Pakatan Harapan) perlu pastikan kita menang besar dalam PRU14 nanti, kita mesti menang besar di Balik Pulau, Kepala Batas dan Tasek Gelugor supaya kita boleh menang dan membawa angin perubahan ke Putrajaya.

"Jadi, saya ingin menyeru supaya anda semua yang hadir, ajak sanak-saudara anda yang berada di luar negara supaya kembali mengundi pada PRU14 nanti," ujarnya yang mendapat sorakan gemuruh hadirin pada majlis tersebut.

Turut sama berucap, beberapa Exco Kerajaan Negeri termasuk Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Dalam pada itu, Guan Eng turut memberi jaminan bahawa sekiranya rakyat terus memberi mandat kepada Pakatan Harapan, segala permasalahan atau isu yang timbul akan diselesaikan secara bersama-sama.

**"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan lari, malah kita akan hadapinya bersama-sama dengan rakyat kerana kita adalah kerajaan berjiwa rakyat, oleh rakyat dan kepada rakyat.**

**"(Dan) kita telah buktikan selama 10 tahun ini, meskipun dahulunya pada 2008, kita (Kerajaan Pakatan) dikatakan tidak mempunyai pengalaman mentadbir, namun saya percaya kita mampu lakukan dengan lebih baik apabila rakyat menyokong.**

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada Pakatan Harapan, dan kita (Kerajaan Pakatan Pulau Pinang) berjanji akan teruskan kecemerlangan demi rakyat Pulau Pinang," jelasnya yang turut berharap agar rakyat terus membuat pilihan yang betul pada PRU14 nanti.

# Kesungguhan empat polis trafik peroleh penghargaan



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan A. Thaiveegan (empat dari kanan) meramahi anggota-anggota polis trafik yang menerima penghargaan khas di sini baru-baru ini.**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** - Dedikasi empat anggota polis trafik yang membersihkan tumpahan pasir di atas jalan Jambatan Pulau Pinang pada 20 Februari lalu masing-masing mendapat wang imbuhan RM250 berserta sijil penghargaan daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri.

"(Sikap dedikasi) ini adalah sesuatu yang kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) sangat puji, kerana anggota polis trafik melaksanakan kerja yang lebih daripada tugas mereka.

"Inilah sikap dedikasi yang harus kita amalkan," jelasnya pada sidang media di sini 21 Februari lalu.

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan memberitahu, selain Guan Eng, beliau turut menerima ucapan penghargaan melalui telefon daripada Ketua Polis Negara serta lebih 50 orang perseorangan, sejak tular klip video empat anggota polis berusaha menangani cabaran trafik sesak selepas sebuah lori pasir terbalik di atas jalan.

Menurutnya, empat anggota polis yang tular dalam rakaman video adalah Koperal Azidin Ahmad, Koperal Mohd. Nazri Zainal Abidin, Koperal Mohd. Zain Mohamed Nor dan Koperal Noor Ridzwan Mat.

"Walaupun tugas kita (sebagai anggota polis) tidak mengharapkan apa-apa, ini adalah tugas kita," ujar Thaiveegan sambil merakamkan penghargaan terhadap pemberian insentif oleh pentadbiran Guan Eng.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pegawai Kewangan

Kerajaan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu dan Ketua Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, Supritendan Wan Sharuddin Wan Omar turut menyaksikan majlis penghargaan keempat-empat anggota polis trafik terbabit.

Muhammad Siddiq, Nur Shahirah Fatini  
Johan Qari & Qariah Tilawah Al-Quran



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan), Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Farizan Darus (kanan sekali) menyampaikan piala iringan kepada Muhammad Siddiq Rosli (tiga dari kiri) selepas diumumkan sebagai Johan Qari Tilawah Al-Quran.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Muhammad Siddiq Rosli dan Nur Shahirah Fatini Mohd Shahrudin masing-masing dinobatkan sebagai Johan Qari dan Qariah sempena Majlis Tilawah Al-Quran & Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1439H/2018 di sini baru-baru ini.

Muhammad Siddiq memperoleh markah sebanyak 83 peratus, manakala Nur Shahirah Fatini (76).

Kemenangan tersebut membolehkan kedua-duanya membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, pakej menunaikan haji, piala iringan dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Turut mengiringi, Timbalan Ketua

Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah Al-Quran) dan Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri).

Bagi kategori menghafaz Al-Quran Tahap 3 (Juzuk 1 hingga 30), kemenangan berpihak kepada Muhammad Zul Akmal Abd. Latif dan Sumayyah Mohamed Reza yang masing-masing membawa pulang wang tunai RM4,000.

Majlis Tilawah Al-Quran ke-61 dan Menghafaz Al-Quran ke-39 yang julung kali diadakan secara serentak berkaitan menerima penyertaan kira-kira lapan qari dan qariah serta penghafaz Al-Quran (165).



Oleh: **ME**

# Bas pengantara CAT percuma mulai 1 April babit 12 laluan terpilih untuk rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** - Sebagaimana dijanjikan, Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan pelaksanaan *Congestion Alleviation Transport* (CAT) mulai 1 April ini, iaitu perkhidmatan bas pengantara (*feeder bus*) percuma ke laluan-laluan utama bas berbayar di seluruh negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah itu diharap lebih menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam berbanding kenderaan peribadi, sekaligus mengurangkan lagi cabaran trafik sesak di negeri ini.

"Bagi laluan utama, caj perkhidmatan seperti biasa akan dikenakan kepada pengguna, tapi perkhidmatan CAT (*Congestion Alleviation Transport*) akan berfungsi sebagai *feeder bus* yang akan menghubungkan pengguna dari stesen-stesen lebih kecil ke stesen pusat lebih besar (di laluan utama)," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini 14 Februari lalu.

Hadir sama, hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Kon Yeow memberitahu, setakat ini sebanyak 46 bas pengantara akan mula beroperasi secara berperingkat mulai 1 April ini, meliputi 12 laluan terpilih di kawasan yang terdiri oleh tahap kepadatan penduduk dan cabaran trafik sesak tinggi, meliputi bahagian pulau dan Seberang Perai.

Pada bulan November tahun lepas, Guan Eng ketika membentangkan Bajet Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang 2018 antara lain mengumumkan RM15 juta peruntukan 'dijanjikan' untuk menyediakan perkhidmatan bas secara percuma kepada rakyat pada waktu puncak.

Sebelum itu, pada tahun 2008, Kerajaan Negeri melancarkan *Central Area Transit* (CAT) iaitu perkhidmatan bas percuma untuk rakyat termasuk pelancong bergerak sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Pada tahun 2011 turut diperluaskan sistem perkhidmatan bas percuma dari bahagian Seberang Perai ke beberapa kawasan terpilih di bahagian pulau, dengan pelancaran *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST).



CHOW Kon Yeow.



## Anggaran RM162 juta GST bakal dibayar kepada Pusat untuk bina rumah awam rakyat di Pulau Pinang – Exco

**BAGAN JERMAL** - Sehingga kini, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dianggarkan akan membayar sejumlah RM162 juta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk 11 daripada 18 projek rumah rakyat di negeri ini.

Mengulas lanjut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, pelaksanaan cukai itu turut membebaskan agensi negeri iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam menyediakan unit kediaman mampu milik (RMM), selain membebaskan rakyat terbanyak hingga kini.

Justeru, beliau menyeru semua rakyat memberi sokongan kepada Pakatan Harapan untuk membentuk Kerajaan Persekutuan pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), lalu menghapuskan GST dalam tempoh 100 hari.

"Kerajaan Pusat diminta kecualikan cukai GST terhadap kos pembinaan termasuk bahan-bahan pembinaan dan tenaga pekerja untuk pembangunan perumahan mampu milik Jenis A (Kos Rendah, KR), Jenis B (Kos Sederhana Rendah, KSR), Jenis C (RMM dengan harga tidak melebihi RM300,000) agar harga jualan unit-unit tersebut dapat dikurangkan lagi, agar dapat mengurangkan beban ke atas rakyat marhaen.

"Kalaupun Pakatan Harapan berjaya menubuhkan Kerajaan Persekutuan, dalam tempoh 100 hari, GST yang membebaskan rakyat serta Kerajaan Negeri hari ini dihapuskan," katanya dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Antara PDC Dan Pembeli Projek RMM Jiran Residensi Kampung Jawa di sini 23 Februari lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



JAGDEEP Singh Deo.

Bagan Dalam, A. Tanasekharan turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu); Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Difahamkan, projek Jiran Residensi Kampung Jawa

di sini menyediakan 354 unit rumah kos sederhana dan 353 kos sederhana rendah di atas tanah seluas 8.84 ekar, dengan kepadatan 80 unit bagi setiap ekar selain 2.43 ekar untuk ruang terbuka.

Projek itu mula dimajukan pada 17 November 2014 dan tarikh siap dijangka pada bulan Jun 2018, dengan tahap perkembangan kemajuan di tapak kini mencapai 92 peratus.

Ketika berucap, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, Projek Jiran Residensi Kampung Jawa tersebut sepenuhnya dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui PDC.

"Kos pembangunan adalah RM121.4 juta dan melalui tender terbuka, projek ini telah diberikan kepada Rekabina Utara Sdn. Bhd. mengikut prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus).

"Seperti yang disebut oleh YB Jagdeep, sejak tahun 2008 (hingga 2017), kita telah lihat ada 24,227 rumah kos rendah dan kos sederhana rendah disediakan di Pulau Pinang, berbanding tempoh sama sebelum 2008 sejumlah 5,154 unit sahaja...hampir lima kali ganda," jelasnya.

Untuk rekod, PDC sehingga kini melaksanakan enam projek perumahan dengan pembiayaan penuh daripada Kerajaan Negeri sendiri, iaitu di Bandar Cassia (100 peratus telah siap dibina); Dua Residensi dekat Teluk Kumbar (71 peratus tahap pemajuan); *The Rise* dekat S.P. Chelliah (65 peratus tahap pemajuan); projek rumah teres satu tingkat di Kampung Kepala Gajah (10 peratus tahap pemajuan); *Sandilands Foreshore* (majlis pecah tanah pada September 2017) dan projek perumahan Ladang Byram (majlis pecah tanah pada Januari lepas), yang kesemua projek RMM itu terdiri oleh 117 unit KR, 2,143 KSR dan 2,861 unit RMM Jenis C.

# Sumbangan demi pemajuan asrama sekolah agama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyerahkan RM40,000 cek sumbangan untuk projek pemajuan sebuah bangunan asrama tiga tingkat Sekolah Menengah Islam Ad-Diniah, Sungai Bakap yang dianggarkan menelan belanja kira-kira RM410,000.

Pengetua sekolah berkenaan, Ustaz Abdul Latif Shapee menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam memartabatkan Islam di negeri ini.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat (Ketua Menteri) atas keprihatinan menyalurkan sumbangan tersebut demi masyarakat kita yang ada pada hari ini, memerlukan sumbangan ini," ujarnya yang juga Setiausaha Jemaah Pengurusan Sekolah berkenaan dalam sidang media di sini 27 Februari lalu.

Sebelum itu, Guan Eng menyatakan bahawa sumbangan tersebut diberikan berdasarkan keperluan, bukannya berdasarkan kaum atau agama sebagaimana didakwah oleh pemimpin pembangkang Pulau Pinang.



**KETUA Menteri bersama-sama Maktar Shapee (lima dari kanan), Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyerahkan sumbangan kepada wakil Sekolah Menengah Islam Ad-Diniah di sini baru-baru ini.**

"Saya pernah dianggap sebagai 'anti-Cina' kerana dilihat membantu orang Melayu sahaja, tetapi kadang-kadang saya sendiri pun tidak faham.

"Kalau bantu orang Cina pun saya kena bantai, kalau bantu orang Melayu pun saya kena bantai, kalau bantu (kaum

India pun saya kena bantai.

"Kalau saya bantu Melayu, Cina dan India pun, itu memang tugas saya sebagai Ketua Menteri, iaitu menyalurkan bantuan berdasarkan keperluan," jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan

Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap kerana mengetengahkan hasrat Jemaah Pengurusan Sekolah berkenaan untuk memohon sumbangan daripada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

Tambah Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap ADUN Air Putih, sehingga kini Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim begitu banyak membantu pentadbirannya dalam merealisasikan agenda memartabat Islam di Pulau Pinang.

Bercakap pada sidang media sama, menurut Maktar, projek pemajuan sekolah berkenaan turut memerlukan RM100,000 kos penyediaan segala kelengkapan dalam bangunan, selain RM410,000 kos pemajuan bangunan asrama tiga tingkat sekolah tersebut.

Terdahulu, Guan Eng pernah dituduh sebagai 'anti-Cina' kerana peruntukan hal ehwal agama Islam sejak tahun 2008 yang direkodkan berjumlah RM457.05 juta di negeri ni adalah menyamai peningkatan 84 peratus, berbanding tempoh sama dari tahun 1999 hingga 2007 sebanyak RM249.09 juta.

## Jawab kemungkaran jual tanah rakyat di bawah harga pasaran, desak Guan Eng

**SUNGAI BAKAP** - Selepas hampir dua tahun reda, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi mendesak pihak pembangkang Pulau Pinang menjelaskan perkara sebenar di sebalik isu penjualan sebidang tanah awam oleh Lembaga Pembangunan Wilayah Pulau Pinang pada awal April 2016 di bawah harga pasaran, dekat Kampung Datuk Keramat, Seberang Perai Selatan.

Beliau mendesak Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman untuk menjawab 'kemungkaran PERDA' tersebut, yang dianggap merugikan kira-kira RM15.2 juta kepentingan awam rakyat negeri ini.

"Ikut harga pasaran sebenar tanah ini adalah RM16.636 juta, tetapi ia dijual di bawah harga pasaran (dengan harga) RM1.426 juta sahaja.

"Ini suatu yang mesti dijawab oleh Zainal Abidin selaku Pengerusi Umno dekat Pulau Pinang dan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri.

"Silalah jawab 'kemungkaran' yang dibuat PERDA ini," tegasnya kepada pemberita dekat Kampung Kepala Gajah di sini pada 22 Februari lalu.

Sebelum itu, Guan Eng

merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pemajuan 41 Unit Rumah Teres Kos Rendah (KR) oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini.

Terdahulu, Guan Eng bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada awal April 2016 turun padang menyaksikan sendiri keadaan tanah berkeluasan 3.461 hektar (ha) di Kampung Datuk Keramat dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh.

Ketika itu, Guan Eng mendedahkan pembangkang berdalih kononnya PERDA berhasrat membina 'rumah murah' di atas tanah awam, yang dijual di bawah harga pasaran tersebut.

Namun, jelasnya, pihak yang membeli tanah milik PERDA berkenaan pada 28 Mac 2016 direkodkan membuat permohonan Pelan Kebenaran Merancang kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk membina 27 unit lot kedai sahaja.

Justeru, Guan Eng mendesak Zainal Abidin dan Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya yang juga Pengerusi PERDA ketika itu, untuk tampil menjelaskan kepada rakyat berhubung hal berkaitan.

## Projek rumah PDC diharap jadi 'game changer', transformasikan wajah Kampung Kepala Gajah

**SUNGAI BAKAP** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap pemajuan 41 unit rumah teres setingkat berkeluasan 700 kaki persegi oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dekat Kampung Kepala Gajah bakal menjadi 'game changer' bagi penduduk setempat.

Katanya, penduduk setempat akan diberikan keutamaan untuk membeli unit kediaman kos rendah (KR) berharga RM42,000 seunit sebagaimana disyor Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee.

"Pelancaran Projek Perumahan Mampu Milik (RMM) ini bakal menandakan satu lagi 'game changer' dalam meningkatkan taraf sosioekonomi dan taraf hidup penduduk di sini.

"Objektif projek (PDC) ini adalah untuk mentransformasikan Kampung Kepala Gajah kepada perkampungan yang lebih meriah dan moden," ujar Guan Eng pada majlis pecah tanah projek perumahan awam itu di sini 22 Februari lalu.

Turut berucap, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman serta Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang yang juga ADUN Bukit Tambun; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah &

Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, sejak tahun 2008 hingga 2016, sebanyak 77 peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan negeri membabitkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan PDC telahpun dibelanjakan untuk pembangunan Seberang Perai, manakala baki (pulau).

"Daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM3,077,152,950.39, sebanyak RM2,379,145,953.56 atau 77 peratus daripada jumlah tersebut adalah untuk pembangunan kawasan Seberang Perai," ujarnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Bagi projek perumahan di Kampung Kepala Gajah, Guan Eng menyatakan bahawa PDC bertanggungjawab untuk memanggil tender, reka bentuk dan seterusnya memantau kerja-kerja pembinaan.

"Jumlah kos pembinaan adalah RM4,449,880, dan Kos Pembangunan Kasar (GDC) adalah RM5,500,000," jelasnya sambil memberitahu bahawa kos projek berkaitan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Selain 41 unit rumah teras KR, tambah beliau, pemaju DV Engineering Sdn. Bhd. yang dipilih secara tender terbuka oleh PDC, akan membina sebuah pencawang TNB dan sebuah depoh sampah.

Difahamkan, projek tersebut bermula pada 25 Oktober 2017 dan dijangka siap pada 24 April 2019, dalam tempoh 18 bulan.

# RTB Sungai Pinang, ADUN harap Pusat tidak lagi 'tidur'

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DATUK KERAMAT** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berharap Kerajaan Persekutuan tidak lagi 'tidur' dalam menyempurnakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang seperti yang dijanjikan.

Beliau yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan Negeri mengangap tindakan Kerajaan Persekutuan melengah-lengahkan penyaluran dana untuk projek tersebut akan memberi kesan kepada penduduk tempatan terutama ketika musim banjir.

"Projek RTB Sungai Pinang ini sudah dimulakan dahulu oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1999, dan projek ini merupakan projek

berfasa.

"Setelah mengambil alih pentadbiran negeri, Kerajaan Pakatan ketika itu telah memberikan kerjasama menempatkan semula penduduk di tepi sungai ini... itupun diminta oleh Kerajaan Persekutuan.

"Selesai penempatan semula (2016) sehingga sekarang, Kerajaan Persekutuan masih lagi 'tidur', malah dana yang dijanjikan RM150 juta hanya terima RM1 juta sahaja, itupun untuk kerja rundingan yang selesai Jun tahun lalu (2017).

"Sedangkan sejak 2008, Kerajaan Pakatan telahpun melaksanakan 32 projek jangka pendek dan jangka sederhana di Sungai Pinang dalam membantu penduduk di sini mengatasi masalah banjir.

"Namun, tidak ada gunanya sekiranya projek utama iaitu RTB Sungai Pinang

tidak dilakukan segera, apabila hujan penduduk akan terkesan," katanya yang turut menzahirkan amarah penduduk berkaitan.

Menurut Jagdeep, sejumlah RM1.47 juta telah diperuntukkan bagi menyempurnakan 32 projek jangka pendek dan sederhana di Sungai Pinang.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri) akan meneruskan projek-projek jangka pendek dan sederhana sehingga Kerajaan Persekutuan tunaikan janji mereka untuk RTB Sungai Pinang ini," ujarnya ketika ditemui pada program edaran lima sempena Tahun Baru Cina bersama-sama Persatuan Penjaja-Penjaja Kecil Lorong Kulit Pulau Pinang (PPKLP) dekat sini baru-baru ini.



**JAGDEEP** Singh Deo (berkemeja putih) bersama-sama Jawatankuasa PPKLP menunjukkan keadaan Sungai Pinang kini pada lawatan khas di sini baru-baru ini.

## Pengecualian bayar lesen penjaja kerana KN sedar GST bebaskan semua rakyat - KM

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi mengumumkan pengecualian bayaran lesen untuk semua penjaja di Pulau Pinang.

Beliau berkata, pentadbirannya menyedari betapa susah hidup rakyat, namun Kerajaan Pusat masih terus melaksanakan 6 peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang begitu membebaskan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Kerana GST, ekonomi lembab dan rakyat susah khususnya orang bawahan...kita tahu rakyat susah, Kerajaan Negeri akan kecualikan bayaran lesen untuk penjaja," katanya pada sidang media di sini 23 Februari lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut sertai sidang media itu.

Sebelum itu, Guan Eng merasmikan Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli Antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Pembeli-Pembeli Rumah Mampu Milik Jiran Residensi Kampung Jawa di sini.

Sementara itu, Rozali menyatakan bahawa MPSP pada Januari hingga 14 Februari 2018, memungut bayaran lesen penjaja bergerak dan statik berjumlah RM16,987.65 membabitkan 631 pembayar.



**SR. Rozali Mohamud.**

Bagaimanapun, menurutnya, sesi pemulangan tunai kepada semua penjaja berwajib di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda Seberang Jaya telah dijalankan pada 6 Mac 2018.

"Sekiranya penjaja berkaitan tidak sempat atau tidak memerlukan pemulangan tunai ini, kita (MPSP) akan kreditkan ke dalam akaun mereka (sebagai pelanggan kepada MPSP) dan duit itu tidak hilang.

"Walaupun pembayaran lesen penjaja ini dikecualikan oleh Kerajaan Negeri, tetapi penjaja masih perlu memperbaharunya bagi mengelak lesen tamat tempoh.

"Jika lesen mati (tamat tempoh), untuk tahun depan, mereka perlu memohon semula dan mesti mengikut prosedur permohonan lesen semula," jelas Rozali.

## Jambatan baru Jalan Zoo surai masalah trafik, manfaat lebih 20,000 penduduk sekitar

**AIR ITAM** - Demi kemudahan penduduk di kawasan Air Itam, sebuah jambatan baru menghubungkan Jalan Zoo dari Simpang Jalan Air Itam ke Simpang Jalan Kampung Melayu siap dibina.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jambatan sepanjang 29 meter yang menelan kos berjumlah RM21.55 juta itu mampu dimanfaatkan lebih 20,000 rakyat kawasan terbabit.

"Jalan Air Itam menjadi jalan penghubung terpenting bukan hanya untuk penduduk di sini, malah juga penduduk di Paya Terubong, Relau, Balik Pulau dan kawasan selatan pulau yang menggunakan jalan ini untuk ke George Town serta bahagian timur pulau.

"(Dengan) penyambungan Jalan Zoo ini, ia bakal mengurangkan kesesakan di kawasan sekitar seperti Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland, Jalan Mount Erskine, Air Itam, Paya Terubong dan jalan-jalan utama

yang lain sebanyak 20 peratus," katanya ketika merasmikan penyempurnaan projek penyambungan dan menaik taraf Jalan Zoo dari Simpang Jalan Air Itam ke Simpang Jalan Kampung Pisang di sini 12 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hong Wai; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali; Ahli-ahli Majlis MBPP serta penduduk setempat.

Selain itu, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri juga sedang membina jalan berkembar di Jalan Paya Terubong (Jalan Bukit Kukus) dengan kos sebanyak RM275 juta.

"Ia adalah sebahagian lagi perancangan Kerajaan Negeri untuk menyuraikan aliran lalu lintas di kawasan Air Itam dan Paya Terubong demi kepentingan rakyat di sini," jelasnya.



**PANDANGAN** atas jambatan baru menghubungkan Jalan Zoo dari Simpang Jalan Air Itam ke Simpang Jalan Kampung Melayu yang siap dibina di sini.

# Naik taraf sistem parit Taman Helang demi kurang risiko banjir kilat – Exco

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**JAWI** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berharap projek naik taraf sistem perparitan Taman Helang Jaya dapat mengurangkan risiko banjir kilat yang dihadapi kira-kira 100 keluarga di sini.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, saiz parit sedia ada yang terlalu uzur didapati tidak mampu lagi menampung limpahan air jika hujan terlalu lebat.

"Kita (Kerajaan Negeri) dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sering menerima aduan daripada orang ramai berhubung masalah banjir di kawasan ini.

"Oleh itu, MPSP telah memohon peruntukan Kerajaan Negeri melalui Wang Caruman Perparitan untuk melaksanakan projek ini dan kita telahpun meluluskan peruntukan tersebut," katanya semasa mengadakan lawatan ke tapak projek tebatan banjir dekat Taman Helang Jaya di sini 27 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; Pemangku Pengarah Kejuruteraan MPSP, Baderul Amin Abdul Hamid dan barisan pimpinan Jawankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman

Helang.

Kon Yeow berkata, pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada pelaksanaan projek tebatan banjir yang telah diluluskan selain mengadakan lawatan dan pemantauan ke tapak projek di seluruh negeri dari semasa ke semasa.

"Kita juga berharap agar senarai 13 projek yang kita mohon daripada kerajaan Persekutuan berjumlah RM1 bilion dapat dipertimbangkan segera," ujarnya.

Sementara itu, menurut Baderul, projek tersebut dianggarkan menelan kos berjumlah RM1.8 juta yang melibatkan kerja-kerja pembinaan perparitan termasuk pemasangan 'precast u drain' berukuran 450x450 milimeter (mm) dan dua 'box culvert' berukuran 1200x1200 mm dan 1500x1500 mm.

Katanya, turut akan dibina adalah rumah pam kecil selain kerja-kerja menurap semula dan membaiki bahu jalan.

"Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan peruntukan yang agak besar ini.

"Diharapkan projek ini dapat meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan kepada penduduk di kawasan ini," jelasnya.

Projek melalui tender terbuka itu dijangka dimulakan pada Jun 2018 dan akan siap pada 12 Mei 2019.



CHOW Kon Yeow (empat dari kiri), Soon Lip Chee (tiga dari kanan), barisan Ahli-ahli Majlis dan wakil-wakil jabatan berkaitan menunjukkan pelan projek naik taraf sistem perparitan Taman Helang Jaya di sini baru-baru ini.

## KM harap gelanggang bola keranjang berbumbung tingkat daya huni rumah pangsa Ampang Jajar

**BAGAN JERMAL** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap daya huni penduduk di kawasan rumah pangsa Ampang Jajar dapat ditingkatkan lagi apabila gelanggang bola keranjang berbumbung dengan nilai RM240,620 siap dibina di sini.

"Kalau 10 tahun dahulu tidak ada gelanggang bola keranjang berbumbung tapi hari ini sudah ada, kalau 10 tahun dulu tidak ada surau tapi hari ini sudah ada.

"Inilah perubahan yang kita nak lihat, dengan kerjasama penduduk, kita (Kerajaan Negeri) akan buat lebih baik.

"Sebagaimana yang selalu saya sebut sebelum ini, kita nak menjadikan Pulau Pinang mempunyai daya huni yang lebih baik," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan dalam Majlis Perasmian Pembukaan Gelanggang Bola Keranjang Berbumbung di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, sebelum ini Kerajaan Negeri turut membina kemudahan surau, tokong dan kuil demi meningkatkan daya huni penduduk di sini.

Sebelum itu, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal menyatakan bahawa segala projek pembangunan infrastruktur kemudahan baru yang dilaksanakan di sini sekaligus seakan memperbetulkan kesilapan Kerajaan Negeri terdahulu dalam projek pemajuan rumah pangsa kos rendah sahaja dan tanpa daya tarikan lain.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan turut sertai majlis tersebut.

Pada majlis sama, Guan Eng turut menyerahkan cek replika RM240,620 kepada wakil pemimpin Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mak Mandin sebagai membuktikan bahawa projek gelanggang bola keranjang berbumbung siap dibina.

## REJAB • SYAABAN • RAMADAN

### Majlis Sambutan Bulan-Bulan KALI KE- AL-QURAN 9 Peringkat Negeri Pulau Pinang 1439H / 2018M

#### MAJLIS NUZUL AL-QURAN

Bahagian Dakwah, JHEAIPP  
● 2 Jun 2018 / 17 Ramadan 1439H  
● Masjid Negeri Pulau Pinang  
● 04-262 6658 **PENYERTAAN TERBUKA**

#### PROGRAM CELIK AL-QURAN

Bahagian Pendidikan, JHEAIPP  
● Sepanjang bulan-bulan Al-Quran  
● Surau-surau sekolah terpilih  
● 04-250 2800 **PENYERTAAN TERBUKA**

#### KHUTBAH MEDIUM WAHYU ILAHI

Bahagian PMS, JHEAIPP  
● 1 April 2018 / 14 Rejab 1439H  
● ILP Kepala Batas  
● 04-250 2800 **PERORANG MASJID SAHAJA**

#### JELAJAH IBRAH AL-QURAN

Bahagian Dakwah, JHEAIPP  
● 25 Mac - Jun 2018  
● Masjid-masjid terpilih Pulau Pinang  
● 04-262 6658 **PENYERTAAN TERBUKA**

#### PROGRAM BACAAN KITAB

Bahagian Pendidikan, JHEAIPP  
● 2 Jun 2018 / 17 Ramadan 1439H  
● Masjid Negeri Pulau Pinang  
● 04-250 2800 **PENYERTAAN TERBUKA**

#### HAFAZAN & TALAQQI AL QURAN

Masjid Negeri Pulau Pinang  
● 24 Mac - 2 Jun 2018 (Setiap Sabtu)  
● Imam Besar Masjid Negeri P. Pinang  
● 04-828 2212 **PENYERTAAN TERBUKA**

#### SEMINAR AL-QURAN

Jabatan Mufti Negeri P. Pinang  
● 12 Mei 2018M / 26 Syaaban 1439H  
● TH Hotel, Bayan Lepas, P. Pinang  
● 04-263 2975 **PENYERTAAN TERBUKA**

#### TAHSIN & TAFSIR AL-QURAN

KITAB  
● 19 Mac 2018 - 2 Jun 2018  
● Maahad tahfiz terpilih  
● 04-835 1680 **PENYERTAAN TERBUKA**

#### STREET DAKWAH

Bahagian Dakwah, JHEAIPP & NGO  
● 26 - 27 Mei 2018  
(Pasaraya Mydin Hypermarket BM)  
● 2 dan 3 Jun 2018  
(Pasaraya EON Alma)  
● 04-262 6658 **PENYERTAAN TERBUKA**

**18 MAC - 2 JUN 2018**

## MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN-BULAN AL-QURAN

Disempurnakan oleh  
**T.Y.T. TUN DATO' SERI UTAMA  
(DR.) HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. ABBAS**  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Penceramah istimewa :  
**YBHG. DATO' DR MOHD IZHAR ARIFF  
BIN MOHD KASHIM**  
Pensyarah Fiqh Fatwa dan Kepenggunaan  
Semasa Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

**18 MAC 2018 (AHAD) • 7 - 11 MALAM  
MASJID PERMATANG DAMAR LAUT**

الإسلام رحمة للعالمين • AL-ISLAM RAHMATUN LIL ALAMIN

Maklumat lanjut hubungi : **04-261 9280 / 04-250 2800**

**SEMUA  
DIJEMPUT  
HADIR**



# Longgar syarat layak mohon pinjaman perumahan BNM mungkin boleh dilaksanakan – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH**  
**NOORAZIS**

**BAGAN JERMAL** - Jika Pakatan Harapan (PH) berjaya menubuhkan Kerajaan Persekutuan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) ini, barulah dasar kewangan Bank Negara Malaysia (BNM) seperti melonggarkan syarat kelayakan permohonan pinjaman perumahan bank boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika mengulas isu kadar penolakan permohonan pinjaman perumahan oleh pihak bank yang terlalu tinggi kini, iaitu lebih 60 peratus.

"Yang penting untuk pembeli pertama (yang ditawarkan unit kediaman oleh Kerajaan Negeri), longgarkan syarat (kelayakan) pinjaman bank untuk mereka memiliki rumah sendiri...Bank Negara harus bantu.

"Sungguhpun kita (Pakatan Harapan) sudah banyak kali meminta BNM longgarkan syarat pinjaman (perumahan) ini, tetapi tiada tindakan diambil.

"Kalau Bank Negara tidak betulkan (longgarkan syarat kelayakan memohon pinjaman perumahan bank), kita kena 'ubah' supaya kita boleh ubah dasar Bank Negara," jelasnya pada Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli Antara Perbadanan Pembangunan Pulau



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para pembeli bergambar kenangan pada Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli Antara PDC dan Pembeli-Pembeli Rumah Mampu Milik Jiran Residensi Kampung Jawa di sini baru-baru ini.**

Pinang (PDC) dan Pembeli-Pembeli Rumah Mampu Milik Jiran Residensi Kampung Jawa di sini 23 Februari lalu.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu); Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamad.

Guan Eng memberitahu, RM121.4 juta projek Jiran Residensi Kampung Jawa yang dilaksanakan melalui PDC itu dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri hari ini.

Mengulas lanjut, kata beliau, projek itu mula dilaksanakan pada 17 November 2014, tahap perkembangan ketika ini mencapai 92 peratus dan dijangka siap pada Jun ini.

Difahamkan, projek tersebut terdiri oleh 204 unit rumah pangsa kos sederhana rendah (KSR) berkeluasan lantai 1,000 kaki persegi dengan harga seunit RM250,000; 150 unit KSR berkeluasan lantai 850 kaki persegi dengan harga seunit RM200,000 dan 353 unit KSR berkeluasan lantai 700 kaki persegi dengan harga seunit RM72,500.

Sebelum itu, Jagdeep menyatakan bahawa beliau telahpun menulis surat kepada Gabenor Bank Negara merayu supaya syarat kelayakan permohonan pinjaman perumahan dapat dilonggarkan demi memastikan lebih ramai rakyat dapat memiliki unit kediaman RMM pertama mereka.

Sebagai contoh, katanya, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) telah menawarkan unit-unit RMM di Bandar Cassia dekat Batu Kawan kepada 1,065 pemohon yang layak.

"Namun, hanya 30 peratus atau 320 pemohon sahaja berjaya mendapat pinjaman disebabkan syarat kelayakan pinjaman perumahan bank sedia ada adalah terlalu ketat," ujar Jagdeep.

## Hapus GST masih mampu bayar BR1M, ikut cara Pulau Pinang, respons Guan Eng

**GEORGE TOWN** - Salah satu Manifesto Pakatan Harapan (PH) yang dilancarkan baru-baru ini adalah menghapuskan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang ditanggung rakyat kini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, meskipun GST dihapuskan, pemberian BR1M atau Bantuan Rakyat 1Malaysia akan diteruskan.

"Selalu kami (PH) diajukan soalan, macam mana mahu bayar BR1M sekiranya GST dihapuskan...ini kerana Kerajaan Pusat selalu cakap, hanya kerana GST mereka mampu membayar BR1M, itu adalah tidak benar sama sekali.

"Sekiranya, **ikut cara Pulau Pinang, walaupun tidak mengenakan bayaran GST, kita (Kerajaan Negeri) masih mampu memberikan sumbangan tunai kepada warga emas RM130, lain-lain program Emas, pelajar IPT (institusi pengajian tinggi) RM1,000 bagi kawasan Semenanjung dan RM1,200 (Sabah dan Sarawak) serta bayi yang baru lahir, Anak Emas RM200 bagi setiap bayi.**

"**Semuanya dibayar secara tunai... bukan seperti BN (Barisan Nasional) yang memberi RM200 kepada bayi, tetapi perlu tunggu sehingga umur 21 tahun baru boleh tunai, itulah bezanya BN dan PH,**" ujarnya pada sidang media di sini 9 Mac lalu.

Menurut Guan Eng, hanya melalui pentadbiran bersih dengan sistem efisien dan pelaksanaan sistem tender terbuka membolehkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memperoleh hasil yang lebih.

"Kita (Kerajaan Negeri) jimatkan wang, malah Laporan Ketua Audit Negara sendiri melaporkan bagi tempoh 2011-2015, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya menyiapkan 99.7 peratus projek pembangunan (daripada 16,126 projek) dengan hanya membelanjakan 55.4 peratus bajet tahunan (RM951.61 juta).

"Inilah bukti negeri yang bebas rasuah dan kaedah sama akan digunakan sekiranya PH menang Putrajaya pada PRU14 (Pilihanraya Umum Ke-14) nanti.

"Kita (PH) hapus GST tetapi masih mampu bayar BR1M, dan yang penting jangan makan dedak pastinya ada wang.

"(Dan) Pulau Pinang telah buktikannya, penjimatan tiap-tiap tahun kita (Kerajaan Negeri) guna untuk manfaat rakyat, malah lebih belanjawan kita (PH Pulau Pinang) dalam tempoh 10 tahun ini (2008-2018) berjumlah RM667 juta jauh lebih baik berbanding 50 tahun BN di Pulau Pinang iaitu hanya RM373 juta," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

## Peruntukan tahunan sekolah & tadika Tamil bukti keprihatinan, komitmen Kerajaan Negeri

**GEORGE TOWN** - Peruntukan RM1.75 juta setiap tahun kepada sekolah-sekolah Tamil dan tadika-tadika di sekolah Tamil (RM100,000) seluruh Pulau Pinang adalah bukti keprihatinan dan komitmen Kerajaan Negeri terhadap masyarakat India di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tahun ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.75 juta untuk sekolah-sekolah Tamil; tadika-tadika di sekolah Tamil (RM100,000) dan Tabung Khas Jawatankuasa Sekolah-sekolah Tamil (RM100,000).

"Menjadikan jumlah peruntukan sejak tahun 2009 adalah sebanyak RM17,166,000 kepada sekolah Tamil dan RM650,000 kepada tadika sejak 2012.

"Sementara itu, jumlah untuk Tabung Khas adalah sebanyak RM636,000 sejak 2012 menjadikan peruntukan besar berjumlah RM18,452,000 sehingga kini," ucapnya pada Majlis Penyampaian Cek Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah-sekolah Tamil dan Tadika di Sekolah Tamil 2018 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains dan Inovasi, Prof. Dr. P. Ramasamy;

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil, Datuk K. Anbalakan turut serta dalam majlis tersebut.

Menurut Guan Eng, melalui maklum balas yang diterimanya, peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri amat membantu terutama dalam pengurusan dan pelbagai penambahbaikan.

"Antaranya, pembinaan bilik darjah baru, membina makmal komputer, dewan terbuka, tandas, kemudahan bilik guru dan bilik guru besar serta membekalkan keperluan lain seperti infrastruktur kelas abad ke-21 untuk kegunaan sekolah.

"Ini termasuk penambahbaikan tadika-tadika di sekolah Tamil bagi membantu murid-murid mendapatkan pendidikan berkualiti dengan alat bantu mengajar yang sesuai serta mencukupi... dan semuanya adalah hasil komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya.

# Tingkat fungsi masjid selaras konsep Islam rahmat kepada sekalian alam - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**MACHANG BUBOK** - Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berjanji akan menaik taraf tandas Masjid Jamek Alma Jaya (MASJAYA) dalam tahun ini juga. Ini berikutan nisbah tandas di masjid tersebut amatlah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah jemaah yang ramai pada satu-satu masa.

"InsyaAllah dalam tahun ini juga kita (Kerajaan Negeri) akan menaik taraf dengan menambah bilangan tandas di masjid ini demi kemudahan dan keselesaan para jemaah di kawasan Alma yang merangkumi 27 buah taman.

"Selain itu kita boleh juga mempertimbangkan untuk menaik taraf dewan masjid kepada tiga tingkat yang berfungsi sebagai dewan, serta Kelas Asas Fardu Ain (KAFA)," ucapnya ketika



**ABDUL Malik Abul Kassim.**

merasmikan Karnival Masjid Terbuka, Klinik Celik Undang-undang Keluarga Islam & Forum Ulama Lawan Rasuah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon.

Abdul Malik dalam pada itu turut menekankan fungsi institusi masjid dalam komuniti tidak kira kepada Islam dan bukan Islam selaras dengan konsep Islam Rahmat Kepada Sekalian Alam.



**SEBAHAGIAN** kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti bersempena penganjuran Karnival Masjid Terbuka, Klinik Celik Undang-undang Keluarga Islam & Forum Ulama Lawan Rasuah di sini baru-baru ini.

"Kita nak fungsi masjid diangkat tinggi setanding masjid-masjid besar kerana Islam ini merangkumi semua termasuk *non Muslim*, tumbuhan, haiwan serta sekalian makhluk.

"Jadi amatlah penting kepada kita sebagai umat Islam mencerminkan keindahan Islam untuk diteladani dan menangkis

persepsi buruk tentangnya," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Khai Loon ketika berucap turut memuji usaha yang digerakkan *Islamic Propagation Society International* (IPSI) bersama Kariah MASJAYA dalam mengamalkan suasana terbuka

institusi masjid kepada masyarakat.

Pada program tersebut beberapa aktiviti diadakan seperti seminar dan bicara berhubung undang-undang syariah, fungsi ulama dalam melawan rasuah, pameran gerai-gerai dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, kenduri rakyat dan pelbagai aktiviti yang diadakan dari pagi hingga 10 malam.

## Bina taman poket dan naik taraf gelanggang pelbagai guna Lebuh Kampung Benggali tepati konsep 4Ps

**BAGAN DALAM** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini merasmikan projek taman poket serta menyempurnakan majlis pecah tanah untuk menaik taraf gelanggang pelbagai guna dekat Lebuh Kampung Benggali, Butterworth di sini.

Guan Eng berkata, projek berkenaan adalah salah satu pengisian program di bawah Pelan Butterworth Baharu melalui pendekatan kreatif yang menepati konsep kerjasama 4Ps iaitu *Public, Private, People* dan *Professional*.

Malah katanya, projek yang dijalankan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) itu dilaksanakan selepas mengambil kira pandangan masyarakat setempat.

"Daripada 2,400 responden yang ditemui, seramai 2,215 bersetuju untuk menaik taraf gelanggang ini.

"Projek ini dibina untuk memastikan masyarakat di sini mempunyai kemudahan awam dan sosial untuk melaksanakan pelbagai aktiviti luaran," ucapnya pada majlis perasmian projek berkenaan.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamad; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli Dewan



**SALAH** seorang umum sedang memerhatikan pelan pelbagai projek di Lebuh Kampung Benggali bersempena majlis perasmian di sini baru-baru ini.

Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan serta Ahli-ahli Majlis MPSP.

Menurut Guan Eng, projek menaik taraf taman poket berkeluasan 1,095 kaki persegi itu menelan kos keseluruhan berjumlah RM300,000 yang dibiayai sepenuhnya oleh ThinkCity.

"Manakala untuk kerja menaik taraf gelanggang pelbagai guna sebanyak RM450,000 pula akan dibiayai oleh MPSP bersama-sama ThinkCity membabitkan keluasan 1,466 kaki persegi," jelasnya.

Sebagai rekod, projek taman poket telah siap dibina pada November 2017, manakala projek menaik taraf gelanggang pelbagai guna Lebuh Kampung Benggali pula dijangka akan bermula pada April 2018.

## RM4.2 juta ganti dan naik taraf lif Pangsapuri Taman Pelangi demi selesa rakyat

**PENKALAN KOTA** - Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membelanjakan kira-kira RM4.2 juta dalam projek penggantian lif membabitkan enam blok (Blok 348, 352, 354, 358, 360 serta 362), dan kerja-kerja penaiktarafan lif di Blok 3,5,7,9 serta 11 Pangsapuri Taman Pelangi, Lintang Macallum 2 di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada majlis tersebut memberitahu, PDC menanggung kos RM3,144,965 daripada jumlah keseluruhan berjumlah RM3,563,700 bagi kerja-kerja penggantian lif membabitkan enam blok berkenaan.

"Kerja-kerja ini (penggantian) telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai 13 September 2016 dan telah siap sepenuhnya pada 20 November 2017.

"Selain itu, PDC juga telah menjalankan kerja-kerja penaiktarafan lif di lima blok berkaitan membabitkan kos keseluruhan berjumlah RM1,025,000," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih ketika mengadakan lawatan ke lokasi di sini 10 Februari lalu.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; ADUN Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan Pengurus Kanan Bahagian Pengurusan Harta PDC, Lim Beng See.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut menyatakan pelan perancangan PDC untuk menambah 200 petak parkir, gelanggang badminton serta gelanggang bola keranjang di sini.



# Lif baru Pangsapuri Sri Bagan bukti Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berjiwa rakyat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **G. REVATIC**

**BAGAN DALAM** - Penduduk Pangsapuri Sri Bagan di sini kini boleh menikmati hidup lebih selesa selepas Kerajaan Negeri bermurah hati menyumbangkan peruntukan 100 peratus sebanyak RM264,000 untuk lif baharu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa merasmikan lif baru itu berkata, pangsapuri berkenaan yang dibina sejak 1993 telah diabaikan pemaju yang sepatutnya bertanggungjawab melengkapkan segala kemudahan sebelum diserahkan kepada perbadanan pengurusan.

Namun begitu menurut beliau, sebagai sebuah kerajaan berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sedia untuk meringankan beban penduduk di pangsapuri berkenaan yang menderita sejak sekian lama ekoran keadaan lif yang sering mengalami kerosakan.

"Diharapkan ini dapat memberi nafas lega kepada penduduk di sini apabila lif telah diperbaiki atas sumbangan sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri.

"Saya difahamkan ada suatu ketika, ekoran pemaju tidak bertanggungjawab yang bersikap 'cuci tangan', keempat-empat lif di pangsapuri ini tidak berfungsi dan menyukarkan pergerakan penduduk, tetapi kini atas bantuan Kerajaan Negeri,



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para penduduk bergambar kenangan pada Majlis Perasmian Lif Baharu Pangsapuri Sri Bagan di sini baru-baru ini.**

semua lif telahpun beroperasi dengan baik," ucapnya pada majlis perasmian berkenaan di sini 25 Februari lalu.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan; Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Sri Bagan, Rosli

Hassan; Ahli Jawatankuasa Pengurusan Penduduk Pangsapuri Sri Bagan serta komuniti setempat.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengingatkan pihak pemaju agar tidak mengganggu hasrat murni Kerajaan Negeri untuk membantu penduduk di pangsapuri berkenaan.

"Dah lama kita (Kerajaan Negeri) hendak masuk bantu tapi ini projek

siapa? Kita tidak boleh masuk sesuka hati tanpa kebenaran.

"Sekarang kita sudah baiki lif dan kita berharap agar pihak pemaju tidak akan menghalang," ujarnya.

Difahamkan, Pangsapuri Sri Bagan mempunyai 13 tingkat terdiri daripada 496 unit yang mana 464 unit adalah untuk kediaman manakala rumah kedai (32).

## Bina gelanggang berbumbung dan naik taraf Jalan Mohd. Saad, projek berimpak tinggi manfaat semua penduduk

**BAGAN JERMAL** - Pembinaan Gelanggang Bola Keranjang Berbumbung di Jalan Mohd. Saad merupakan projek berimpak tinggi yang boleh dimanfaatkan semua penduduk setempat tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan fahaman politik, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, gelanggang yang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri itu menelan kos sebanyak RM243,000.

"Kita (Kerajaan Negeri) begitu gembira kerana gelanggang ini boleh digunakan oleh semua penduduk terutamanya golongan belia dan kanak-kanak tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.

"Ia (gelanggang) boleh dikatakan projek berimpak tinggi kerana mampu memberi manfaat kepada semua, dengan kos (pembinaan) yang sangat rendah.

"Sekarang, penduduk boleh menyewa gelanggang ini untuk mengadakan sebarang majlis tanpa perlu bimbang lagi dengan keadaan cuaca," ucapnya ketika merasmikan pembukaan gelanggang itu di sini 13 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan

Komuniti (JKKK) setempat.

Selain itu, tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri juga telah menaik taraf Jalan Mohd. Saad dengan kos RM334,000 yang berjaya mengurangkan kesesakan jalan sebanyak 15 peratus.

"Ini jarang berlaku kerana untuk mengurangkan kesesakan sebanyak 15 peratus, ia perlukan perbelanjaan jutaan ringgit.

"Jalan ini (Jalan Mohd. Saad) merupakan jalan alternatif kepada penduduk untuk mengelakkan kesesakan di Jalan Raja Uda yang sentiasa sibuk, terutamanya pada musim perayaan.

"(Dan) yang penting, projek ini juga telah merencanakan kawasan setempat dan meningkatkan harga rumah di kawasan ini," ujarnya.

Justeru, Guan Eng menyeru kepada penduduk di sini untuk terus memberikan sokongan kepada Kerajaan Negeri yang telah membawa banyak perubahan di kawasan ini.

"Saya yakin rakyat akan terus menyokong Kerajaan (Negeri) yang membawa lebih banyak perubahan.

"Jika kerajaan bawa perubahan buruk seperti GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan), itu kita (rakyat) kena tolak," serunya.

## Kerajaan Negeri komited bawa perubahan, rakyat perlu teruskan sokongan, seru KM

**DATUK KERAMAT** - Rakyat Pulau Pinang diseru agar terus memberikan sokongan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang sudah terbukti mampu membawa perubahan besar kepada warganya dan negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, perkara tersebut telah terbukti apabila Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini terpilih menerima anugerah bandar terbersih di dalam negara termasuk ASEAN.

"Jika anda ingat, 10 tahun lalu sebelum Kerajaan Negeri mengambil alih tampuk pemerintahan negeri, Pulau Pinang dahulunya dikenali sebagai 'Darul Sampah'.

"Tetapi, setelah diberikan mandat oleh rakyat, kita (Kerajaan Negeri) benar-benar komited mengubahnya hingga menjadikan negeri ini sebagai salah satu bandar terbersih di Malaysia dan ASEAN, ini dibuktikan melalui anugerah yang diperoleh Majlis (MBPP) baru-baru ini di Chiang Mai, Thailand....bukan setakat cakap-cakap kosong sahaja," ujarnya yang merupakan ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Terdahulu, Guan Eng menyertai kira-kira 1,000 masyarakat setempat memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat sempena sambutan Tahun Baru Cina di Taman Free School di sini baru-baru ini.

Ketibaan beliau disambut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dr. T. Jayabalan (ADUN Batu Uban), Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Gurmit Kaur (isteri mendiang Karpal Singh).

Guan Eng serta kepimpinan lain kemudiannya diiringi ke pentas bagi menyempurnakan acara *lor sang* sebagai adat permulaan Tahun Baru Cina.

Tambahnya, selain negeri yang semakin bersih, rakyat kebanyakan juga dapat menikmati pelbagai insentif yang disediakan Kerajaan Negeri merangkumi pelbagai peringkat umur dan golongan.

"Pulau Pinang tidak kenakan GST (Cukai Berangan dan Perkhidmatan) seperti Kerajaan Pusat, tapi kita (Kerajaan Negeri) mampu memberikan pelbagai insentif kepada rakyat dari yang baru lahir hinggalah kepada golongan tua.

"Jadi, tiada masalah untuk Pakatan Harapan sekiranya merampas Putrajaya untuk terus mengekalkan pemberian BRIM (Bantuan Rakyat 1Malaysia) berjumlah RM1,200 walaupun cadangan GST akan dimansuhkan," ujarnya.

# Tapak Fort Cornwallis, diharap bongkar lebih banyak penemuan bersejarah

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NORAZIS**

**GEORGE TOWN** - Susulan penemuan dua meriam pada 19 Februari lalu, empat ahli arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini menemui sembilan butir peluru meriam di tapak arkeologi Fort Cornwallis di sini.

Salah seorang daripada ahli arkeologi berkaitan, Noridayu Bakry menyatakan bahawa peluru yang dijumpai dipercayai bukan milik dua pucuk meriam yang ditemui pada 19 Februari lalu.

"Sembilan butir peluru yang dijumpai ini, kita jumpa secara berperingkat-peringkat dari tarikh 26 hingga 28 Februari lalu, dan saiznya (diameter) kira-kira 3 sentimeter (sm) hingga 6 sm sahaja.

"Peluru-peluru tersebut akan dibawa pulang ke makmal USM untuk kajian lebih lanjut serta mendapatkan maklumat yang lebih terperinci," katanya di tapak berkaitan pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, wakil-wakil dari George Town World Heritage Incorporated (GTWHI); George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd.; Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan agensi global, *Aga Khan Trust For Culture*.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyifatkan penemuan peluru-peluru meriam tersebut merupakan sesuatu yang menarik dan bernilai.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan (arkeologi USM) dan saya harap anda semua mampu membongkar lebih banyak penemuan bersejarah di sini,"

ujarnya.

Terdahulu, Ketua Arkeologi Negeri Pulau Pinang, Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin pada sidang media 20 Februari lalu menyifatkan bahawa penemuan dua pucuk meriam mungkin akan mengubah interpretasi sejarah terdahulu Fort Cornwallis sebagai 'Kota



**NORIDAYU Bakry (kiri sekali) menunjukkan peluru-peluru meriam yang ditemui beliau serta pasukannya di tapak arkeologi Fort Cornwallis di sini baru-baru ini.**

Keamanan' yakni tidak melibatkan peperangan.


Mokhtar yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM memberitahu, salah satu meriam lama tertera simbol 'GR' iaitu merujuk pada era King George III, yang memerintah antara tahun 1760 hingga 1820 Masihi.

"Kerja-kerja yang bermula sejak Ogos 2017 bertujuan mengesan lokasi pintu asal Fort Cornwallis yang sehingga kini masih belum ditemui.

"Hasil daripada kerja-kerja tersebut sehingga hari ini menemukan peluru meriam sebanyak dua kali (pertama pada November 2017) dan dua pucuk meriam," jelas beliau.



**TAPAK arkeologi di Fort Cornwallis.**



**RUPA bentuk meriam yang ditemui.**

## Rakyat Pulau Pinang tolak gejala buli, kita akan lawan pembuli

**GEORGE TOWN** - Sebagai simbol solidariti kepada kempen gejala anti buli, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyertai acara jalan kaki *Penang Against Bullying* sejauh 3 kilometer (km) di Lebuh Pantai bersama-sama 2,000 peserta.

Katanya, acara jalan kaki yang dianjurkan merupakan satu kempen solidariti untuk memberitahu bahawa masyarakat di Pulau Pinang menolak gejala buli.

"Kita masyarakat di Pulau Pinang tidak menerima gejala buli... kita nak timbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat bahawa negeri Pulau Pinang akan berlawan dengan pembuli-pembuli!

"Jangan jadi pembuli, kita akan lawan pembuli, itulah mesej yang kita (Kerajaan Negeri) nak sampaikan.

"Yang penting ialah kita kena mengenal pasti atau kalau rasa ada sesuatu yang tak kena, tak kira daripada pihak mana, PDRM (Polis Diraja Malaysia), Jabatan Pendidikan atau pun ibu bapa, pastikan kita ambil tindakan," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis perasmian penganjuran berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dr. Mohamad Farazi Johari; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang.

Tambah Guan Eng, sekolah dan rumah sewajarnya menjadi tempat yang paling selamat untuk anak-anak.

"Marilah kita tegaskan bahawa gejala buli adalah memalukan, dan kepada pembuli anda akan diambil tindakan," ujarnya.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil penganjur, barisan penaja dan para peserta bergambar kenangan bersempena penganjuran program *Penang Against Bullying* di sini baru-baru ini.**

# Ilmu Islam perlu dilihat lebih luas daripada mazhab, saran Mufti Pulau Pinang

**SEPERTI** di negeri-negeri lain, Pulau Pinang pun seakan-akan tidak terlepas daripada isu 'takfiri' serta taasub.

Masjid-masjid tertentu dijadikan medan untuk menyemarakkan budaya saling mengkafir atau 'takfiri' ini.

Impaknya, budaya taasub kepada satu-satu puak mula ditajamkan, hatta boleh menjelaskan perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negeri ini.

Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor memberitahu, perkara berbangkit tersebut bukan isu baru dalam sejarah perkembangan umat Islam di dunia dan di tanah air ini.

Pun begitu, beliau memberitahu, umat Islam harus didorong untuk lebih berfikiran terbuka.

"Sudah tentu... apabila kita tengok faktor membatasi ilmu dalam mazhab atau tradisi tertentu mengakibatkan kurang berlakunya keterbukaan itu.

"Sedangkan ilmu Islam ini lebih luas daripada mazhab, lebih luas daripada mazhab tertentu, (ilmu Islam) ini lebih terbuka kepada kepelbagaian pandangan mazhab, bukan sahaja dalam fiqh malah usuluddin.

"Dalam bab fiqh memang ada pelbagai perbezaan, kita tidak boleh belajar secara perbandingan mazhab (secara tajam), sedangkan tidak sesiapa pun yang boleh mendakwa bahawa pandangan yang benar itu berada pada

mazhab tertentu sahaja.

"Kebenaran itu mungkin berada dalam mazhab lain, tapi kalau dengan sikap yang tertutup, seolah-olah kita mengikut diri kita untuk tidak melihat lebih jauh daripada ilmu-ilmu Islam yang ada," jelasnya dalam wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, ZAINULFAQAR YAACOB di pejabatnya baru-baru ini.

## Kebebasan

Selain itu 'takfiri', menurut Wan Salim, Pulau Pinang sebenar berusaha menjadikan sebuah Kerajaan Negeri yang menghargai kepelbagaian pemikiran dalam kalangan umat Islam ini.

"Kita tak pernah sekat mana-mana ceramah di Pulau Pinang walaupun membawa pelbagai faham, sebagaimana di negeri-negeri lain, tapi asalkan tidak menyemarak budaya takfiri ini atau taasub.

"Kita memang nak membuka lagi faham umat Islam kerana ia lebih menguntungkan.

"Sebabnya, masyarakat Islam akan lebih terbuka untuk melihat Islam dalam spektrum yang lebih luas,

"Dan, orang akan faham, satu-satu masalah mungkin boleh selesai menurut pendapat A atau B atau C atau D dan sebagainya, itulah yang dimaksudkan Islam sebagai penyelesaian masalah kemanusiaan.

"Kalau tak boleh selesai dalam mazhab Shafie, mungkin boleh



DR. Wan Salim  
Wan Mohd. Noor.

diselesaikan menurut mazhab Hanafi, selalu saya sebut akhirnya kita perlu lihat yang mana lebih sesuatu dengan tempat yang kita duduk," katanya.

## Fatwa

Seperti Pulau Pinang yang mempunyai unsur kemajmukan, kata Wan Salim, fatwa yang dibincangkan mestilah mengambil kira keadaan realiti negeri ini.

"Tahap keterbukaan umat Islam di negeri kita lebih baik, mungkin faktor kemajmukan rakyat yang berbilang agama dan bangsa serta budaya di negeri ini lebih ketara

berbanding di negeri-negeri tertentu.

"Sesuatu perkara yang mungkin sesuai di Kelantan umpamanya, mungkin tidak sesuai di Pulau Pinang.

"Sifat fatwa memang kena ambil kira masa, tempat serta keadaan sekeling tempat fatwa itu diminta, sesuai atau tidak sesuai.

"Seperkar, ilmuwan kita tidak ada kemampuan seperti Sheikh Dr. Yusof Qaradawi, Dr. Wahbah Al-Zuhayli dan sebagainya, yang biasanya kita dengar menukil fatwa.

"Kita kena lihat sesuai atau tidak, kalau tidak sesuai satu-satu

fatwa, maka kita ubah sesuai.

"Selalu saya kata, keadilan Islam ini sifatnya universal, bukan meliputi penganut-penganut agama Islam sahaja.

"Kan kita pernah dengar Khalifah terdahulu umat Islam, yang mana keadilan mereka hatta untuk memayungi umat bukan Islam.

"Bermazhab itu tidak salah, tetapi yang salah adalah merugikan umat Islam dengan budaya taasub.

"Sikap taasub inilah yang menghalang kita daripada mendengar pandangan-pandangan lain daripada yang kita pegang, walaupun itu pandangan yang betul dan relevan dengan pandangan kita," ujarnya.

## Harapan

Wan Salim menyatakan bahawa beliau sebenarnya optimis dengan peluang melaksanakan dakwah Islam di sebalik kempen 'Islam Rahmat Ke Seluruh Alam'.

"Salah satu yang patut dibuat adalah untuk mewujudkan pengajian ala kekitab, supaya lebih banyak lagi pusat pengajian kitab-kitab kuning di tanah air ini.

"Kalau boleh kitab kuning ini perlu disunting balik, disaring dalilnya, kerana bukan semua pandangan ulama silam, walaupun betul, sesuai untuk di negeri ini, yang mana relevan diterima.

"Saya memang berharap Islam ini boleh dilihat sebagai rahmat, bukan sahaja untuk orang Islam, bahkan orang bukan Islam," kata beliau.

## Sumbangan RM828,000 untuk Program Pengimarah Masjid, Ehya' Ramadan

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengumumkan penyerahan RM828,000 sumbangan kepada pentadbir Masjid Negeri serta lima Masjid Daerah yang lain.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, semua peruntukan itu adalah demi membiayai Program-Program Pengimarah Masjid Dan Program Ehya Ramadan di masjid-masjid berkenaan.

"Sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM457 juta berbanding RM249 juta yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri terdahulu dalam tempoh 10 tahun yang sama, dengan suatu jumlah peningkatan sebanyak 84 peratus.

"Sumbangan (RM828,000) ini akan digunakan untuk program mengimarah masjid dan Ehya Ramadan (yang dijadualkan) pada bulan Mei ini," jelasnya pada sidang media di sini 15 Mac lalu.

Bercakap pada sidang media sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, RM218,000 diperuntukkan untuk Program Pengimarah Masjid Negeri, selain RM195,000 lain untuk Program Ehya Ramadan Masjid Negeri dalam tempoh 17 Mei hingga 14 Jun 2018.

Tambah beliau, Masjid Abdullah Fahim dekat Kepala Batas, Masjid Daerah Barat Daya, Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Masjid Daerah Seberang Perai Selatan masing-masing menerima RM83,000 peruntukan Program Pengimarah Dan Ehya Ramadan.

"(RM828,000) ini tidak termasuk pemberian Kerajaan Negeri apabila Ramadan tiba nanti, iaitu kepada semua masjid di seluruh Pulau Pinang, termasuk Masjid Daerah dan Masjid Negeri juga," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng.



KETUA Menteri sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan cek kepada wakil-wakil masjid di sini baru-baru ini.

Pada majlis sama, Guan Eng diiringi Abdul Malik menyerahkan cek peruntukan berwajib itu kepada pentadbir-pentadbir masjid terbabit.

Perkembangan terbaru ini sekaligus menyerlahkan agenda Kerajaan Negeri Pakatan Pulau Pinang dalam memartabatkan Islam dan umatnya di negeri ini.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
<b>AIR PUTIH</b> YAB Tuan Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614
<b>PANTAI JEREJAK</b> YB Haji Mohd. Rashid Hasnon <a href="mailto:rashid.hasnon@penang.gov.my">rashid.hasnon@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 646 4700
<b>PERAI</b> YB Prof. Dr. P. Ramasamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
<b>PADANG KOTA</b> YB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkoneyeow@penang.gov.my">chowkoneyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
<b>BATU MAUNG</b> YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim <a href="mailto:abdmalik@penang.gov.my">abdmalik@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
<b>BAGAN JERMAL</b> YB Lim Hock Seng <a href="mailto:limhockseng@penang.gov.my">limhockseng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
<b>BATU LANCHANG</b> YB Law Heng Kiang <a href="mailto:lawhengkiang@penang.gov.my">lawhengkiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
<b>SUNGAI PUYU</b> YB Phee Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my">pheeboonpoh@penang.gov.my</a> <a href="mailto:pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
<b>PADANG LALANG</b> YB Chong Eng <a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028
<b>DATO' KERAMAT</b> YB Jagdeep Singh DEO <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
<b>SEBERANG JAYA</b> YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
<b>BUKIT TAMBUN</b> YB Law Choo Kiang <a href="mailto:lawchookieng@penang.gov.my">lawchookieng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
<b>AIR ITAM</b> YB Wong Hon Wai <a href="mailto:wonghonwai@penang.gov.my">wonghonwai@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
<b>BERAPIT</b> YB Ong Kok Fook <a href="mailto:ongkokfook@penang.gov.my">ongkokfook@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 8476
<b>MACHANG BUBOK</b> YB Lee Khai Loon <a href="mailto:klee78@gmail.com">klee78@gmail.com</a>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
<b>TANJONG BUNGAH</b> YB Teh Yee Cheu <a href="mailto:dappenang.cagw.teh@gmail.com">dappenang.cagw.teh@gmail.com</a>	(T) 04 - 899 9581
<b>JAWI</b> YB Soon Lip Chee <a href="mailto:dunjawi@hotmail.com">dunjawi@hotmail.com</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
<b>PENKALAN KOTA</b> YB Lau Keng Ee <a href="mailto:dappengkalankota@gmail.com">dappengkalankota@gmail.com</a>	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
<b>BAGAN DALAM</b> YB Tanasekharan a/I Autheraphy <a href="mailto:atana@first.net.my">atana@first.net.my</a>	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
<b>KEBUN BUNGA</b> YB Cheah Kah Peng <a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
<b>SUNGAI BAKAP</b> YB Hj. Maktar Hj. Shapee <a href="mailto:adunan.dunsgbakap@yahoo.com">adunan.dunsgbakap@yahoo.com</a>	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
<b>KOMTAR</b> YB Teh Lai Heng <a href="mailto:komtar128@gmail.com">komtar128@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
<b>PAYA TERUBONG</b> YB Yeoh Soon Hin <a href="mailto:clementyeoh@hotmail.com">clementyeoh@hotmail.com</a>	(T) 04 - 827 8868
<b>PULAU TIKUS</b> YB Yap Soo Huey <a href="mailto:yapsoohueydp@gmail.com">yapsoohueydp@gmail.com</a>	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
<b>PERMATANG PASIR</b> YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man <a href="mailto:adunptgpasir@gmail.com">adunptgpasir@gmail.com</a>	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
<b>BUKIT TENGAH</b> YB Ong Chin Wen <a href="mailto:pkrbkifengah@gmail.com">pkrbkifengah@gmail.com</a>	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
<b>PENANTI</b> YB Dr. Norlela Ariffin <a href="mailto:norlela.ariffin@gmail.com">norlela.ariffin@gmail.com</a>	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
<b>SUNGAI PINANG</b> YB Lim Siew Khim <a href="mailto:dapsungaipinang@hotmail.com">dapsungaipinang@hotmail.com</a>	(T) 04 - 282 6630
<b>BATU UBAN</b> YB Dr. T. Jayabalan <a href="mailto:djayabalan@gmail.com">djayabalan@gmail.com</a>	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
<b>SERI DELIMA</b> YB Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji <a href="mailto:rsnrayer@yahoo.com">rsnrayer@yahoo.com</a>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
<b>DAP PENANG HQ</b> <a href="mailto:dappg@streamyx.com">dappg@streamyx.com</a>	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
<b>PKR PENANG HQ</b>	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
<b>PENAGA</b> YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
<b>BERTAM</b> YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
<b>PINANG TUNGGAL</b> YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
<b>PERMATANG BERANGAN</b> YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
<b>SUNGAI DUA</b> YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
<b>TELOK AIR TAWAR</b> YB Datuk Jahara Hamid <a href="mailto:jahara.hamid@gmail.com">jahara.hamid@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
<b>SUNGAI ACHEH</b> YB Datuk Mahmud Zakaria <a href="mailto:dafomahmud@umpangroup.com.my">dafomahmud@umpangroup.com.my</a>	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
<b>BAYAN LEPAS</b> YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
<b>PULAU BETONG</b> YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
<b>TELUK BAHANG</b> YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
<b>PENAGA</b> -	-
<b>BERTAM</b> -	-
<b>PINANG TUNGGAL</b> -	-
<b>PERMATANG BERANGAN</b> -	-
<b>SUNGAI DUA</b> -	-
<b>TELOK AIR TAWAR</b> -	-
<b>SUNGAI ACHEH</b> -	-
<b>BAYAN LEPAS</b> -	-
<b>PULAU BETONG</b> -	-
<b>TELUK BAHANG</b> -	-

**Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam**

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
NEGERI		( BUTTERWORTH)	04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	KANAK-KANAK	
EPF	04-226 1000	CAP	04-829 9511
SOCSO	04-238 9888	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
		PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108 04-229 8555

**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS**

<b>N1 Penaga</b> : -	-	<b>N22 Tanjung</b> : 012 - 465 0021	- Tina
<b>N2 Bertam</b> : -	-	<b>Bungah</b> : 011 - 12441069	- Hezreen
<b>N3 Pinang</b> : -	-	<b>Air Putih</b> : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
<b>N4 Pinang Tunggal</b> : -	-	<b>N24 Kebun</b> : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
<b>N5 Permatang Berangan</b> : -	-	<b>Bunga</b> : 017 - 956 3237	- Quah
<b>N6 Sungai Dua</b> : -	-	<b>Pulau Tikus</b> : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
<b>N7 Telok Air Tawar</b> : -	-	<b>N26 Padang Kota</b> : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
<b>N8 Sungai Puyu</b> : 012 - 480 5495	- Mr.Lee	<b>N27 Pengkalan</b> : 010 - 811 7300	- Razin
<b>N9 Bagan Jermal</b> : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	<b>KOMTAR</b> : 04 - 226 2464	- Kalvinder
<b>N10 Bagan Dalam</b> : 016 - 473 1963	- Gesan	<b>Datuk Keramat</b> : 04 - 282 6630	- Nayim
<b>N11 Seberang Jaya</b> : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	<b>Sungai Pinang</b> : 04 - 282 6419	- Karuna
<b>N12 Permatang Pasir</b> : 010 - 406 2128	- Nurafiqah Rosli	<b>Batu Lancang</b> : 019 - 4474362	- Mahen James
<b>N13 Penanti</b> : 04 - 538 2871	- Tira	<b>Seri Delima</b> : 012 - 5242549	- Anne Janet
<b>N14 Berapit</b> : 016 - 401 3507	- Mr.Lim	<b>Air Itam</b> : 012 - 4730736	- Toon Hoon Lee
<b>N15 Machang</b> : 012 - 474 0964	- Yeoh Ee Yee	<b>Paya Terubong</b> : 016 - 205 1185	- Frankie Kee
<b>N16 Bubok</b> : 012 - 473 0964	- Andrew Chin	<b>Batu Uban</b> : 016 - 480 0232	- Jalal
<b>N17 Padang Lalang</b> : 017 - 552 8928	- Ikhwan	<b>Tengah</b> : 016 - 487 8602	- Khairul
<b>N18 Perai</b> : 04 - 383 9131	- Chan	<b>Bukit</b> : 016 - 444 3550	- Sathya
<b>N19 Bukit Tengah</b> : 013 - 518 8735	- Lai	<b>Tanjong</b> : 04 - 646 4700	- Aliff / Shamsudin
<b>N20 Bukit Tambun</b> : 016 - 404 9120	- Sri Sangar	<b>Jerejak</b> : 019 - 498 1096	- Amirulzaman
<b>N21 Jawi</b> : 017 - 408 4784	- Lim Tuan Chun	<b>Batu Maung</b> : 016 - 428 6158	- Danny Ho
<b>N22 Sungai Bakap</b> : 012 - 456 5018	- G.Dumany	<b>Bayan Lepas</b> : -	-
<b>N23 Sungai Acheh</b> : 019 - 552 8689	- Khor	<b>Pulau Betong</b> : -	-
	- Abdul Halim	<b>Telok Bahang</b> : -	-
	- Mr. Khor		
	- Norjuliana		
	- Hasbullah		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	012 - 548 2465 019 - 658 2465
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkipli Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

**SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG**

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938

**Nota:**  
Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvinder a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harn	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan  
Pulau Pinang Mac 2018**



24hb Mac 2018  
**Earth Hour Night Walk 2018**

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**

YAP LEE YING

AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,  
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI,  
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**

LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,  
AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD,  
ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS,  
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang  
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923  
Email: [buletinmutiara.bpkn@gmail.com](mailto:buletinmutiara.bpkn@gmail.com)

# PIHH kemudi sektor halal negeri

**PULAU** Pinang merupakan sebuah negeri yang mengiktiraf potensi pasaran halal tempatan dan global serta memainkan peranan penting dalam pembangunan industri yang merupakan enjin pertumbuhan berpotensi untuk ekonomi negeri.

Kerajaan Negeri menerajui pelbagai inisiatif halal melalui agensi fasilitasi halal Pulau Pinang, PIHH Development Sdn. Bhd. atau lebih dikenali sebagai Halal Penang yang dipengerusikan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Perkembangan halal di Pulau Pinang semakin berkembang pesat, malah ia diperkukuhkan dengan penganjuran pameran bertaraf antarabangsa, Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa (PIHEC) yang dimulakan pada tahun 2010 dan telah berjaya mempromosikan sektor halal di bawah naungan Halal Penang.

Ikuti wawancara wakil Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **SU CHIN ENDIN CHUAN** bersama-sama Pengurus Besar Halal Penang, **MOHAMAD FIRHAN MOHAMED GHOUSE** mengenai perkembangan sektor halal di Pulau Pinang.

Menurut Mohamad Firhan, PIHEC berkembang dari sebuah pameran kepada pameran perdagangan halal terbesar bertaraf antarabangsa, malah ia adalah wadah yang mana semua pihak berkepentingan dari Pulau Pinang, Malaysia dan juga peringkat antarabangsa bekerjasama bagi mempromosikan perdagangan produk serta perkhidmatan halal yang akan membawa kesan langsung kepada perkembangan ekosistem ekonomi Islam.

“Ekspo ini bukan sahaja bertujuan membangunkan produk dan perkhidmatan halal, malah ia memfokuskan kepada pembangunan usahawan-usahawan kecil dan sederhana untuk dilonjakkan dalam industri halal agar mereka lebih berjaya pada masa depan.

“Bagi menjayakan visi tersebut, pelbagai siri program telah diadakan bagi membangunkan usahawan-usahawan ini agar lebih terserlah dalam industri halal tempatan khususnya dan persediaan ke arena antarabangsa amnya.

“Dalam hal ini, Halal Penang perlu menyatupadukannya dengan kerjasama agensi-agensi di peringkat negeri dan Persekutuan seperti SME Corp. Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) memandangkan Halal Penang merupakan agensi bukan berasaskan keuntungan.

“Tanggungjawab ini termasuk membawa syarikat masuk ke dalam industri halal, merangkumkan mereka bersama-sama syarikat lain di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang di Bukit Minyak dan membangunkan mereka untuk bersaing di peringkat antarabangsa,” katanya.

## Peneraju Produk & Pembangunan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang

Pulau Pinang mempunyai ekosistem yang kondusif bagi membangunkan sektor halal, ini dapat dilihat hasil daripada sokongan-sokongan yang diberikan daripada segi penglibatan dan keterbukaan para usahawan terhadap potensi pasaran halal yang lebih meluas.

Mohamad Firhan memberitahu antaranya, penubuhan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang Fasa I di Batu Kawan telah berjaya mengumpulkan nilai perbelanjaan modal hampir RM480 juta melibatkan 10 syarikat.

“Empat daripadanya (10 syarikat) telah beroperasi, manakala bakinya akan memulakan perniagaan tidak lama lagi dan kebanyakan daripada industri di sini adalah terdiri daripada pemprosesan makanan sejuk beku, abstrak herba, penambah perisa dan juga produk berasaskan soya.

“Oleh kerana permintaan yang tinggi dalam kalangan usahawan, ia (Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang) telah dikembangkan ke Fasa II di Zon Utara yang akan membangunkan produk dan perkhidmatan berkaitan makanan sahaja melibatkan 18 syarikat keseluruhannya.

“Kedua-dua projek taman perindustrian halal ini adalah integrasi cekap di antara Halal Penang bersama-sama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan *investPenang* (iP) bagi tujuan urusan tanah,” ujarnya.

MOHAMAD Firhan  
Mohamed Ghouse.



Malah, difahamkan kedua-dua taman perindustrian tersebut memperoleh Insentif HALMAS yang disediakan pihak Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC) di bawah Kerajaan Persekutuan.

## Pelancongan Halal Tarik Pengunjung

Sejajar dengan perkembangan pelancongan negeri yang kian terkenal, Pulau Pinang tidak ketinggalan apabila mengambil inisiatif merencanakan perkhidmatan mesra Muslim atau sektor pelancongan halal khususnya bagi menyambut lebih ramai pelancong Muslim ke sini.

Bagi menyemarakkan industri pelancongan halal negeri, menurut Mohamad Firhan, Halal Penang telah melancarkan *Muslim Travel Guide Experience Penang* sejak tahun 2012 bagi menarik kedatangan pelawat (Muslim) sekaligus meningkatkan ekonomi dan sektor pelancongan negeri.

“Melalui risalah ini, pelawat dapat mengetahui secara terperinci berhubung lokasi-lokasi makanan halal yang ditawarkan, tempat-tempat menarik dan pelbagai lagi.

“Ia juga secara tidak langsung mempromosikan Pulau Pinang ke luar negara,” jelasnya sambil menyatakan bahawa risalah tersebut diterbitkan dalam dua edisi utama iaitu bahasa Inggeris dan Arab.

Mengulas lanjut, seperti yang diketahui umum, syarikat penerbangan yang berpangkalan di Timur Tengah, *Qatar Airways* telah memulakan penerbangan secara langsung dari Doha ke Pulau Pinang dengan menawarkan perkhidmatan tiga kali seminggu.

“Jalanan ini, sekali gus membuka pelbagai peluang ekonomi di antara dua negara dalam konteks halal.

“Malah, kita menjangkakan lebih banyak kerjasama antara kerajaan dengan kerajaan, pemain industri, mesyuarat dan pelbagai lagi akan berlangsung di antara Pulau Pinang dan Doha dalam konteks ini,” katanya.

## Pensijilan Halal Tempatan

Kini, peneraju produk halal negeri juga telah berkembang kepada 838 pengusaha/pemegang sijil halal Malaysia (setakat Disember 2017) berbanding (55) pada tahun 2009 ketika Halal Penang mula ditubuhkan dahulu.

Tambah Mohamad Firhan, bagi memenuhi permintaan pelancongan halal berkenaan, Halal Penang dengan kerjasama Badan Pengurusan Halal di Jabatan Agama

Islam Pulau Pinang (JAIPP) telah memperkenalkan pensijilan halal buat kapal pelayaran mewah yang berlabuh ke Pulau Pinang.

Antara pemegang sijil Halal bagi kapal pelayaran mewah ialah *Star Cruise Libra*, *Dreams* dan *Costa Victoria*. Terbaru, *Dreams* kini dalam perbincangan untuk memperoleh Sijil Halal Malaysia.

Menurutnya, pensijilan halal buat pelayaran *Costa Victoria* bertujuan menarik penumpang Muslim terutamanya ketika hujung tahun di antara bulan November hingga Januari, manakala tempoh pensijilan Halal *Star Cruise Libra* dan *Dreams* adalah untuk jangka masa dua tahun dan berterusan.

“Ini adalah pendekatan kondusif di antara Halal Penang, Badan Pengurusan Halal JAIPP dan syarikat pelayaran mewah ke arah menjamin sebuah pelayaran yang mesra Muslim,” ujarnya.

Malah, pihaknya juga agresif mendekati pengusaha-pengusaha Muslim tempatan berlandaskan prinsip Agresif, Kondusif dan Yakinkan (ACP) agar tampil mendapatkan pensijilan halal bagi bidang makanan dan restoran.

“Selalunya stigma masyarakat Melayu, tidak perlu dapatkan sijil halal memandangkan mereka adalah pengusaha Islam, tetapi kita (Halal Penang) cuba dekati mereka, terangkan kepentingan pensijilan halal ini,” jelasnya lanjut.

## Pusat Halal Global

Mengakhiri bualan, Mohamad Firhan memberitahu, adalah menjadi harapan Halal Penang dalam tempoh 10 tahun mendatang agar agensi tersebut dapat memacu industri halal tempatan ke tahap global, mengintegrasikan pensijilan halal ini di peringkat yang lebih tinggi serta menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan yang terulung di rantau ini sejajar dengan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global.

“Kami berhasrat untuk memperkenalkan satu pakej yang mana pensijilan halal ini dapat diintegrasikan bersama-sama pematuhan GMP (Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia) serta Prosedur Manual Pensijilan Halal Malaysia agar pemprosesan cepat dan efisien dan pengeluaran produk mencapai status kualiti tinggi, bersih dan lebih selamat,” kata beliau.

# Syiar Islam terus subur, peruntukan meningkat kepada RM53.43 juta tahun 2018 - Exco

**PERUNTUKAN** hal ehwal agama Islam melonjak 300 peratus sejak Kerajaan Pakatan Pulau Pinang mengambil alih pentadbiran negeri daripada kerajaan sebelumnya.

Itu adalah fakta yang tidak boleh dipertikaikan lagi meskipun sering dipertikaikan kononnya Kerajaan Negeri Pakatan Pulau Pinang mengabaikan kira-kira 700,000 umat Islam di negeri ini.

Namun, hakikatnya, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menegaskan bahawa syiar Islam di Pulau Pinang kekal mekar dan subur di bawah pentadbiran Pakatan Harapan (PH).

"Tetapi malangnya, ada pihak-pihak tertentu yang sengaja menyuntik amarah dengan sengaja menyebarkan dakyah yang tidak betul, menabur fitnah tentang Kerajaan Negeri Pakatan Pulau Pinang.

"Sedangkan, hakikatnya, sejak 2008, dengan meneladani pentadbiran Khalifah Umar ibn Abdul Aziz, amar makruf nahi mungkar...Islam terus berkembang mekar malah lebih terjaga," katanya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** di pejabatnya di Komtar baru-baru ini.

## Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam & Pembangunan Institusi Islam

Menurut Abdul Malik, **Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng** telah mengumumkan kenaikan jumlah peruntukan hal ehwal agama Islam dalam **Bajet 2018 baru-baru ini berjumlah RM53.43 juta berbanding tahun 2017, RM49.98 juta.** (Rujuk Lampiran A).

"Menjadikan jumlah yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri adalah **RM497.77 juta** untuk hal ehwal agama Islam sahaja sejak 2008, iaitu suatu peningkatan yang ketara jika dibandingkan dengan **RM249 juta** bagi tempoh masa yang sama sebelum 2008.

"Bukan itu sahaja, sekolah-sekolah agama tidak hanya menerima **RM1.75 juta** setiap tahun di bawah Bantuan Pendidikan Sekolah Agama, tetapi jumlahnya jauh lebih besar apabila sejak 2008 Kerajaan Negeri telah membiayai **RM55.3 juta** untuk tujuan pendidikan.

"Jadi, apa yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui usahasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Jabatan Mufti, Zakat Pulau Pinang (ZPP)

dan Kehakiman Syariah sejak 2008 adalah jauh lebih besar berbanding kerajaan terdahulu.

"Guru-guru sekolah agama rakyat (SAR), guru-guru Kafa (Kelas Asas Fardhu 'Ain), sekolah pondok, sekolah tahfiz dan tadika Islam atau TADIS turut menerima pelbagai manfaat jika dibandingkan sebelum ini.

"Tahun 2016, Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan **RM15 juta** bagi pembinaan Pusat Pendidikan Al-Itqan di Teluk Kumbar dan menyumbang lebih **RM30 juta** sama ada dalam bentuk pembangunan ataupun biasiswa mahupun keperluan lain," jelasnya yang agak kecewa apabila ada suara-suara yang sengaja mempertikaikan iltizam Kerajaan Negeri dalam hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang.



ABDUL Malik Abul Kassim.

Bagi memantapkan lagi pembangunan Islam di negeri ini, Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) ditubuhkan pada 11 Julai 2011 yang dipengerusikan Dato' Mansor Othman, Ahli Parlimen Nibong Tebal.

"Melalui YIPP, Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang juga



KOMPLEKS Kehakiman dan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di persimpangan Jalan Scotland dan Jalan Batu Gantung yang dibangunkan di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 2.93 ekar bernilai RM80 juta.

dirancang bagi memberi peluang kepada umat Islam di negeri ini menikmati pendidikan Islam yang berkualiti.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga dalam perancangan membangunkan Hospital Islam Pulau Pinang yang bukan sahaja akan merencanakan lagi pelancongan kesihatan negeri ini, malah juga memberi kemudahan patuh syariah kepada umat Islam di negeri ini," ujarnya.

Selain itu, salah satu kejayaan memartabatkan Islam di Pulau Pinang adalah tersergamnya Kompleks Kehakiman dan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di persimpangan Jalan Scotland dan Jalan Batu Gantung.

"Kompleks tersebut

dibangunkan di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 2.93 ekar bernilai RM80 juta dengan pembelanjaan kos pembinaan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan Negeri menyumbangkan tanah bernilai tinggi itu sebagai lambang penghormatan kepada agama Islam di negeri ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

## Prestasi cemerlang UPKK & Pengiktirafan Huffaz

Hasil usaha berterusan Kerajaan Negeri sejak 2008, sejak dua tahun lalu Pulau Pinang menunjukkan prestasi cemerlang dalam Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK).

"Tahun lalu (2017), Pulau

Pinang menduduki tangga pertama bagi pencapaian Kafa seluruh negara dengan agregat 8A dalam UPKK.

"La meningkat satu anak tangga berbanding tahun sebelumnya (2016) dan pencapaian (tangga pertama) tidak mungkin dicapai tanpa usaha semua pihak serta tidak mungkin dicapai jika pendidikan Islam diabaikan di negeri ini," jelasnya.

Bercakap mengenai huffaz, Abdul Malik memberitahu bahawa sejak 2008, Kerajaan Negeri telah memulakan inisiatif 'Sebuah Keluarga Seorang Hafiz'.

"Hasilnya, saban tahun bilangan para huffaz ini bertambah bermula dengan 103 orang pada tahun 2008 menjadi 502 pada tahun 2015 dan kini lebih 600 hafiz," ujarnya.

## Pengurusan Masjid & Surau

Menurut rekod, sehingga kini Pulau Pinang memiliki 210 masjid serta surau (465) dan jumlah ini sentiasa bertambah mengikut keperluan semasa.

"Di Pulau Pinang, terdapat tujuh buah Masjid Madani yang menjadi perintis pusat pembangunan ummah antaranya termasuk Masjid Negeri, Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah; Masjid Al-Huda, Sungai Ara; Masjid Umar Ibnu Al-Khattab, Bayan Baru dan Masjid Jamek Seberang Jaya.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mewujudkan standard penarafan bagi surau-surau awam di negeri ini menggunakan sistem pemarkahan bagi memastikan tempat-tempat ibadat selesa dan terjaga untuk umat Islam beribadat," katanya.

Tahun	Bantuan Pendidikan (RM juta)	Sumbangan Ex-Gratia (Kafa) (RM juta)	* Lain-lain (RM juta)	Pembangunan (RM juta)	Pengurusan (RM juta)	Jumlah (RM juta)
2008	0.09	0.66	1.37	8.10	13.30	23.52
2009	1.50	0.88	1.59	12.09	16.16	32.22
2010	1.75	0.91	2.19	13.3	19.56	37.71
2011	1.75	0.90	3.74	18.95	19.93	45.27
2012	1.75	0.91	3.93	13.69	21.40	41.58
2013	1.75	0.89	6.20	20.17	23.62	52.63
2014	1.75	0.89	5.82	17.46	25.14	51.06
2015	1.75	0.90	5.93	16.83	28.14	53.55
2016	1.75	0.93	6.19	17.97	29.98	56.82
2017	1.75	0.93	6.18	9.05	32.07	49.98
2018	1.75	0.93	6.20	12.71	31.84	53.43

Lampiran A: Peruntukan yang diluluskan Kerajaan Negeri bagi pembiayaan program keagamaan Islam di Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga 2018.

\*Lain-lain termasuk bayaran saguhati pegawai masjid, bantuan kewangan atau bonus, sumbangan kepada huffaz, masjid, sambutan bulan mulia Islam, tilawah al-Quran, pertandingan nasyid dan program Jawatankuasa MMK Agama dan Tabung Pembangunan Agama.

# Kerajaan Negeri sedia tanah untuk parkir bas kilang, atasi kegelisahan penduduk

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyediakan sebidang tanah di Lebuh Batu Maung 1 seluas 4.5 ekar untuk digunakan sebagai parkir bas kilang.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, inisiatif itu diambil ekoran terdapat aduan daripada penduduk terutamanya di kawasan perumahan sekitar Relau yang tidak selesa apabila bas-bas kilang berkaitan diletakkan secara melulu pada waktu malam.

“Dianggarkan terdapat hampir 100 bas kilang diletakkan di tepi-tepi jalan sehingga menyebabkan halangan terhadap lalu lintas dan menimbulkan perasaan gelisah serta tidak selesa penduduk di kawasan berkenaan.

“Menyadari masalah ini, Kerajaan Negeri bersama-sama agensi (kerajaan) lain seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PDC sebelum ini pun telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pengusaha-pengusaha atau pengendali bas-bas kilang di negeri ini, dan di atas permintaan, kita (Kerajaan Negeri) akan menyediakan sebidang tanah untuk digunakan sebagai kawasan parkir,” ujarnya pada sidang media di sini 6 Mac lalu.

Hadir sama, Ketua Penguatkuasa Wilayah Utara SPAD, Mejar (B) Ahmad Zaidi Shuib; Ahli Majlis MBPP, Grace Teoh Koon Gee; wakil-wakil Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan MBPP.

Menurut Kon Yeow, sementara proses penyewaan tanah dimuktamadkan, pengusaha-pengusaha bas kilang dibenarkan untuk meletakkan bas-bas mereka di tanah lapang bersebelahan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah seluas lima ekar.

“Pengusaha-pengusaha bas kilang juga telah diminta berbincang dengan pihak PDC sebagai tuan punya tanah untuk urusan penyewaan tanah tersebut yang mana dianggarkan kadar sewaan parkir bagi tanah PDC di Lebuh Batu Maung 1 adalah RM224 setiap bas bagi setiap bulan, dan tanah bersebelahan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (RM180 setiap bas setiap bulan).

“(Dan) ini (penyediaan tanah) merupakan langkah tambahan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana penyediaan parkir bas oleh pengusaha sendiri adalah satu syarat sebelum permit operasi perkhidmatan dikeluarkan.

“Inisiatif ini adalah untuk kebaikan semua yang terlibat terutamanya penduduk di kawasan perumahan berkaitan.

“Malah, saya menyambut baik pengusaha-pengusaha yang mengadakan rundingan sendiri dengan kilang-kilang untuk meletakkan bas di halaman kilang berkaitan...cuma kepada pengusaha bas-bas kilang, janganlah mengambil tindakan sendiri sehingga membahayakan pengguna jalan raya lain,” katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zaidi ketika ditemui memberitahu, tindakan penguatkuasaan bersepadu akan dimulakan pada 13 Mac 2018.

“Mulai 13 Mac 2018, agensi penguatkuasaan akan mengambil tindakan penguatkuasaan bersepadu terhadap pengusaha-pengusaha bas kilang yang masih lagi meletakkan kenderaan mereka di kawasan taman perumahan.

“Antara tindakan yang boleh diambil termasuk mengeluarkan Notis Pemberitahuan Tentang Kesalahan, mengapit roda, menunda atau menamatkan permit operasi bagi kesalahan berulang.

“Kompaun turut akan dikenakan antara RM500 hingga RM500,000 mengikut jenis kesalahan atau kesalahan berulang di samping pembatalan atau penggantungan permit operasi,” jelasnya.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) bersama wakil-wakil berkaitan menunjukkan pelan kawasan parkir yang disediakan.

**PIFF**  
Penang  
International  
Food Festival

**FOOD TRUCK INVASION**  
28 - 29 APRIL 2018 | 5PM - 11PM | BATU KAWAN  
DESIGN VILLAGE OUTLET MALL

www.piff.com.my Penang International Food Festival

Organiser Endorsed by Supported by

gorgeous penang MALAYSIA

STREET FOOD FESTIVAL  
14 - 15 APRIL

TASTE OF PENANG  
21 - 22 APRIL

FOOD TRUCK INVASION  
28 - 29 APRIL



# ‘Rumah Buku’ Seberang Jaya platform lahir masyarakat lebih berilmu

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **ADUN**

**SEBERANG JAYA** - Dalam usaha melahirkan masyarakat lebih berilmu, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) mengambil inisiatif mewujudkan perpustakaan komuniti yang dibuka kepada umum.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan yang juga ADUN kawasan, Dr. Afif Bahardin berkata, perpustakaan yang diberi nama ‘Rumah Buku’ itu turut dijadikan sebagai ruang awam untuk pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

“Pada asalnya perpustakaan ini adalah dewan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan

Keselamatan Komuniti), tapi kita telah naik taraf untuk mengoptimalkan fungsi dewan bagi memenuhi keperluan semua komuniti di sini.

“Idea menamakan perpustakaan ini sebagai Rumah Buku adalah kerana bentuknya seperti rumah.

“(Dan) pada masa akan datang, Rumah Buku ini juga boleh dijadikan sebagai ruang untuk masyarakat menjalankan pelbagai aktiviti seperti kesenian, aktiviti kanak-kanak serta sebagainya,” ujarnya pada Majlis Perasmian Rumah Buku di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian disempurnakan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan



**DR. Wan Azizah Wan Ismail, Prof. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) dan Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) beramah-mesra dengan beberapa pengungjung cilik ‘Rumah Buku’ sejurus majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

& Sumber Manusia, Sains dan Inovasi; ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen; ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon; ADUN

Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Pengarah PPAPP, Sharimah Salleh serta komuniti setempat. Dalam pada itu, Ramasamy

yang merupakan Pengerusi PPAPP berkata, perpustakaan komuniti tersebut adalah platform pihak perpustakaan untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan masyarakat.

Tambahnya, penubuhan ‘Rumah Buku’ juga adalah sebagai sejarah penting dalam usaha untuk memartabatkan ketinggian ilmu dalam kalangan masyarakat di negara ini.

“Selain bahan bacaan seperti buku, turut disediakan di sini adalah rujukan untuk peperiksaan.

“PPAPP juga tidak lupa akan golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan kerana di sini akan turut diadakan pelbagai aktiviti untuk golongan ini dengan kerjasama Pertubuhan Pembangunan Orang Buta,” jelasnya.

## Kurangkan penghasilan sampah 10%, berusaha capai 40% kitar semula pada 2020 - seru KM

**JAWI** - Rakyat Pulau Pinang disaran supaya mengurangkan penghasilan sampah sebanyak 10 peratus bagi setiap individu dalam menjimatkan perbelanjaan pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung aspek pengurusan sisa pepejal.

Saranan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Pembangunan Fasa III Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong, Nibong Tebal di sini 11 Mac lalu.

“Kalau kita boleh kurangkan sebanyak 10 peratus sampah, saya rasa kita boleh jimatkan RM10 juta dan itu adalah sesuatu yang amat besar.

“Kos pengangkutan sampah dari Stesen Pemindahan Sampah Ampang Jajar ke Tapak Pelupusan Pulau Burong menelan belanja sebanyak RM1.2 juta, manakala  *tipping fee*  adalah RM20.20/tan.

“Sekiranya dapat melencongkan empat peratus sampah daripada memasuki tapak pelupusan, dianggarkan RM2.5 juta dapat dijimatkan setahun, campur RM10 juta tadi maka kita dapat jimatkan RM12.5 juta, dan boleh bina banyak kemudahan infrastruktur, daripada jumlah penjimatan berkaitan,” ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud dan Ahli-ahli Majlis bagi kedua-dua PBT tersebut.

Guan Eng dalam pada itu turut menyeru rakyat negeri ini agar melaksanakan kitar semula dan pengasingan sisa di punca dengan lebih konsisten.

“Pulau Pinang merupakan negeri yang mencatat kadar kitar semula tertinggi dalam negara iaitu 38 peratus, dan ini melebihi kadar kitar semula nasional sebanyak 21 peratus.

“Marilah kita semua berusaha sekurang-kurangnya kita capai 40 peratus kadar kitar semula pada tahun 2020 dan 2022 kita tengok boleh capai 45 peratus tak... kita harap MBPP dan MPSP boleh adakan saingan yang sihat antara kawan sama kawan,” seru beliau.

Difahamkan, projek mustahak bagi memenuhi keperluan rakyat negeri ini melibatkan kos perbelanjaan sekitar RM103 juta yang dibiayai oleh PLB Terang Sdn. Bhd., pemaju yang dilantik oleh MBPP dan MPSP sehingga tamat konsesi pada tahun 2032.

Bagi kos pengurusan sampah dan pembersihan awam, MBPP membelanjakan RM103.5 juta setahun, manakala MPSP (RM102.17 juta).

## Taman Kejiranan Kampung Pisang manfaat penduduk Air Itam

**AIR ITAM** - Penduduk sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam di sini bertuah apabila kawasan tersebut dipilih sebagai lokasi riadah pembangunan Taman Kejiranan Jalan Kampung Pisang.

Menerusi projek tersebut, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memperuntukkan RM174,528.30 bagi membangunkan sebuah taman rekreasi awam dilengkapi dengan kemudahan alat senaman, trek jogging, dataran serbaguna, lampu solar dan bangku.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berharap usaha Kerajaan Negeri melalui MBPP tersebut diharap tidak dipandang sepi oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan menepis tohmahan bahawa tanah hijau di Pulau Pinang semakin berkurangan.

“Sebaliknya, apa yang diusahakan ini menambahkan lagi kawasan-kawasan hijau di seluruh Pulau Pinang.

“Tanah yang dahulunya lapang, kini tidak lagi lapang...sebaliknya telah diberi pengisian dan penghijauan selain dapat digunakan oleh komuniti setempat untuk menjalankan aktiviti sihat dan beriadah,” ujarnya pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Kampung Pisang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung



**BEBERAPA kanak-kanak sambil dibantu kakitangan MBPP meyempurnakan gimik Majlis Perasmian Taman Kejiranan Kampung Pisang di sini baru-baru ini.**

Seang dan Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali.

Dalam pada itu, menurut Tung Seang, tahun ini MBPP akan membangunkan sembilan Taman Kejiranan dan Taman Poket (3) dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3 juta.

“Selaras dengan visi Kerajaan Negeri ke arah menjadikan Pulau Pinang negeri yang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat, maka pada tahun 2017, Majlis telah menaik taraf sebanyak 11 taman poket serta taman kejiranan untuk kegunaan penduduk setempat.

“Sebagai sebuah bandar raya, MBPP akan menambah dan memperbanyakkan lagi projek penanaman pokok-pokok teduhan di seluruh kawasan pulau kerana kita (MBPP) komited melestarikan pembangunan mampan tanpa mengabaikan alam sekitar di samping pembangunan yang berterusan,” jelasnya.

# Baik pulih Taman Inggeris & pancuran abad ke-19 sebagai lokasi awam

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**PADANG KOTA** - Sebuah taman berkonsepkan taman Inggeris dan pancuran yang pernah wujud pada lewat abad ke-19 kini sedang dipulihkan semula sebagai tempat awam.

Projek bernilai kira-kira RM350,000 itu dibiayai sepenuhnya oleh Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity).

Menurut arkitek projek, Teng Pe Yang, rekod-rekod pemetaan lama banyak dijadikan sebagai rujukan tentang kewujudan taman tersebut yang dianggarkan merangkumi sehingga ke taman di kawasan Dewan Sri Pinang.

“Bagi pokok-pokok yang berada di kawasan ini kita akan kekalkan... sekarang memasuki fasa penglabelan kawasan tapak dengan mengambil kira elemen landskap, dan fasa akhir akan dimasukkan hiasan seperti perabot bagi tujuan mengindahkan lagi taman ini.

“Kami menganggarkan kerja-kerja yang dimulakan pada Februari 2018 mampu siap pada awal Mei nanti untuk kemudahan orang ramai,” jelasnya sempena lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Mengetuai delegasi, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali; Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuce Harng; Pengarah Urusan ThinkCity, Hamdan Abdul Majeed dan Pengarah Program ThinkCity, Murali Ram.

Menurut Kon Yeow, pemulihan kawasan taman berkenaan

adalah selaras dengan penubuhan *Special Area Plan* (SAP) pada 2015 dalam usaha memulihara, menambah baik dan menaik taraf kawasan di George Town yang diiktiraf sebagai Bandar Warisan UNESCO.

“Pelbagai projek telah dilaksanakan melalui SAP...baru-baru ini juga saya membuat lawatan di Gat Lebuh Cina yang sedang dinaik taraf sebagai kawasan siar awam, naik taraf padang di Esplanade, naik taraf lorong-lorong belakang dan lain-lain.

“Melalui SAP juga kita bercadang untuk membaiki semula tembok di Jalan Tun Syed Sheh Barakbah (tepi laut Padang Kota) kerana kita dapati berlaku hakisan. Saya bimbang jika struktur di situ akan lemah dan berkemungkinan jalan tersebut runtuh,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Difahamkan, laluan pejalan kaki di Lebuh Light juga akan dinaik taraf dalam masa terdekat.

Kerja-kerja naik taraf tembok akan bermula dari Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sehingga ke Astaka Medan Renong.

Tambah Kon Yeow, kerja-kerja naik taraf kawasan awam tersebut giat dijalankan bagi memaksimumkan penggunaan



**CHOW Kon Yeow (duduk)** menunjukkan taman pancuran yang dibina semula sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Hamdan Abdul Majeed (berdiri, dua dari kiri) di sini baru-baru ini.

ruang kepada masyarakat selari dengan konsep mesra kepada semua.

Mengikut catatan sejarah, landskap taman pancuran di Padang Kota telah didermakan oleh Koh Seang Tat sempena memperingati pembukaan Dewan Bandaraya pada tahun 1883.

## THE MARIN

AT FERRINGHI

PULAU PINANG, MALAYSIA

 <p><b>PEGANGAN BEBAS</b></p> <p>Kondominium makmur</p>	 <p>Kehijauan yang subur &amp; menghadapi Laut Andaman</p>	 <p>Eksklusif &amp; Peribadi - Hanya 4 unit pada setiap tingkat</p>	 <p>Ruang Binaan dari 1750 kaki persegi sehingga 1850 kaki persegi</p>
 <p>Pulau Pinang Malaysia, penjagaan kesihatan &amp; infrastruktur terbaik</p>	 <p>Perumahan berkepadatan rendah yang merangkumi 149 unit di dalam 2 menara</p>	 <p>The Marin di Ferringhi, terletak secara strategik di dalam kawasan pelancongan terkenal Batu Ferringhi di Pulau Pinang, Malaysia.</p>	<p><b>5%</b></p> <p>Bumiputra Diskaun</p>

**PLENITUDE**

**PLENITUDE BAYU SDN. BHD.** (799140-W)

(Anak syarikat milik penuh Plenitude Berhad)

No. 505, Jalan Tanjung Bungah, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

Plenitude Bayu Sdn Bhd (799140-W) [Berdekatan Sri Sayang Apartment] Jalan Bayu, 11100 Batu Ferringhi, Malaysia. Tel: +604 881 888 Fax: +604 8812 331 E-mail: sales@themarin.com.my • No. Lesen Pemaju: 13646-1/08-2018/01749(L) • No. Permit Pengiklanan: 13646-1/08-2018/01749(P) • Tarikh Sah: 15/08/2017 - 14/08/2018 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang • No. Rujukan: MPPP/OSC/PB(7118)/14 (LB) • Bebanan Tanah: Tiada • Pegangan Tanah: Bebas • Jumlah Unit: 119 • Jenis Pembangunan: Kondominium • Tarikh Dijangka Sip: 2018 • Harga Jualan: RM1,866,930 (MINIMUM); RM4,416,100 (MAXIMUM) • Diskaun Bumiputra: 5% • Pemasakan: Tiada

**+604 8811 888**  
**themarin.com.my**

# “Pulau Pinang sebagai batu loncatan kembang projek pelaburan, pemasaran”

**PERAI** - Hab industri pembuatan di Pulau Pinang yang kian berkembang serta dijangka menjadi ‘Lembah Silikon’ masa depan baru di rantau Asia Tenggara sebagaimana dilaporkan media antarabangsa tertentu, diharap akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian pada Majlis Perasmian Pembukaan Valeo, iaitu industri reka bentuk dan pemasaran kelengkapan automotif berteknologi tinggi global dari Perancis di Zon Perindustrian Bebas Perai di sini baru-baru ini.

“Pulau Pinang disebut dalam laporan berita antarabangsa BBC, sebagai ‘Lembah Silikon’ Asia Tenggara bagi Hab perkakasan pelbagai pada masa hadapan.

“Kita (Pulau Pinang) mempunyai ekosistem yang strategik serta Hab industri pintar yang berpengkalan lebih 40 tahun.

“Dengan kedudukan Pulau Pinang yang begitu strategik di rantau Asia ini, seperti Valeo, diharapkan lebih banyak lagi syarikat multinasional luar datang melabur serta membuka industri di negeri



**MOHD. Rashid Hasnon (tengah) pada Majlis Perasmian Pembukaan Valeo di sini baru-baru ini.**

ini,” jelasnya mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis berkaitan.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan

Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat memberitahu, Pulau Pinang ketika ini dilihat ‘jaguh pelaburan nombor 1’ negara berbanding negeri-negeri lain.

Duta Perancis ke Malaysia, Frederic Laplanche serta Presiden Valeo, Marc Vrecco antara yang berucap pada majlis tersebut.

Menurut Vrecco, industri yang baru dibuka di Pulau Pinang tersebut adalah di atas sebidang tanah berkeluasan 47,000 kaki persegi.

Tambahnya, dalam tahun 2016 sahaja, hasil jualan kumpulan Valeo adalah kira-kira 16.5 bilion Euro, dengan lebih 11 peratus kelengkapan asli yang terjual adalah dihasilkan sendiri di Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) industri berkenaan.

“Secara keseluruhannya, kumpulan Valeo mempunyai 169 pelan reka bentuk, pusat penyelidikan (20), pusat pembangunan (38) serta pemasaran (15) dan 106,000 buruh daripada 32 negara,” jelasnya sambil menganggapp pembukaan kilang di Pulau Pinang sebagai batu loncatan untuk mengembangkan projek pelaburan serta pemasaran perkakas kelengkapan automotif berteknologi di peringkat rantau Asia Tenggara.

## The TOP bakal menjadi tumpuan dunia dengan pertambahan kepelbagaian tarikan menarik

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa lebih banyak lagi tarikan bakal diwujudkan dekat *The TOP* yang terletak di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) dalam usaha menjadikan mercu tanda Pulau Pinang berkaitan sebagai tumpuan masyarakat dunia.

Katanya, *The TOP* kini berjaya menjadi tapak ikonik Pulau Pinang selepas mengalami transformasi mega melibatkan peruntukan besar berjumlah RM200 juta yang dibiayai *Only World Group* (OWG).

“Ini menunjukkan wang RM200 juta yang dibelanjakan oleh Tan Sri Datuk Richard Koh (Ketua Pegawai Eksekutif OWG) tidak disia-siakan.

“(Dan) saya difahamkan akan ada lebih banyak rancangan-rancangan untuk menjadikan *The TOP* bukan sahaja sebagai tapak ikonik di Pulau Pinang dan wilayah utara Semenanjung Malaysia, tetapi juga (untuk) seluruh negara,” ucapnya dalam Majlis Sambutan Tahun Baru Cina anjuran *The TOP* di sini 28 Februari lalu.

Hadir sama, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Seri Farizan Darus; Pegawai Kewangan Negeri, Dato’ Sarul Bahiyah Abu; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ar. Yew Tung Seang; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Pengarah Eksekutif OWG, Tan Sri Datuk Richard dan isteri.

Guan Eng berkata, sehingga kini, terdapat beberapa tarikan istimewa di

sini yang telah dibuka kepada umum, antaranya *Rainbow Skywalk* di tingkat 68 dan *The Gravityz* (tingkat 65).

“Turut akan diadakan pada masa akan datang adalah *bungee jumping* yang dijangka beroperasi pada akhir tahun ini.

“Ini jelas menunjukkan bahawa mereka (rakyat) yang datang ke Pulau Pinang adalah mereka yang ‘berani,’” ujarnya.

Komtar merupakan sebuah kompleks serbaguna terdiri daripada pusat membeli-belah, pusat pengangkutan dan pejabat pentadbiran Kerajaan Negeri yang mempunyai 65 tingkat dengan ketinggian 232 meter (m).

Selepas projek pengubahsuaian dilaksanakan pada tahun 2015, ia menambah tiga lagi tingkat kepada menara Komtar menjadikan ia kini 68 tingkat dengan ketinggian 249m.



**BARISAN** kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran *The TOP Boutique Aquarium* di sini baru-baru ini.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?  
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA  
CAGARAN &  
PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT  
PROJEK TITIAN SAKSAMA  
RAKYAT (PTSR)  
NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN  
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang  
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)  
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN  
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)  
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN  
8% FAEDAH SETAHUN

**HUBUNGI:** Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang  
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Anugerah Sekolah Hijau 2018, wang tunai RM2,000 menanti juara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **MPSP**

**SEBERANG JAYA** - Hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 dan satu panel tenaga solar berkuasa 4 kilowatt (kW) menanti juara Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Seberang Perai tahun ini.

Perkara itu diumumkan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Puad Hamid pada majlis pelancaran pertandingan berkaitan di sini baru-baru ini.

Mohd. Puad berkata, penganjuran anugerah itu yang memasuki tahun kesembilan bertujuan membina generasi masa hadapan yang cintakan alam sekitar.

“Program Sekolah Hijau merupakan program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010.

“Pogram ini bertujuan untuk memberi pendekatan secara



**MOHD. Puad Hamid (barisan hadapan, tengah) bersama-sama wakil-wakil penganjur, sekolah, penaja dan ahli-ahli majlis bergambar sambil menunjukkan poster pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Seberang Perai sejurus majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

holistik dalam mendidik semua pelajar agar mampu menjaga alam sekitar pada masa hadapan,” ujarnya.

Difahamkan, jumlah penyertaan bagi program tersebut meningkat dengan ketara saban tahun, iaitu daripada 30 sekolah pada tahun 2010 kepada 152 (2017).

Hasilnya, tambah Mohd. Fuad, sebanyak 136,739 kilogram (kg) sampah berjaya dikitar semula

sepanjang pelaksanaan program itu.

“Peningkatan ini merupakan aspek positif sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang dilaksanakan (MPSP) pada tahun 2016,” jelas beliau.

Dalam majlis itu juga, beliau turut mengumumkan jumlah tajaan sebanyak RM27,500 disumbangkan oleh syarikat Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn.

Bhd. serta dua panel tenaga solar masing-masing tajaan Jinko Solar dan Pekat Solar.

“MPSP amat berterima kasih kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan seluruh kakitangan di atas sokongan berterusan dalam memperkasakan pendidikan, kesedaran pemuliharaan serta pemulihan alam sekitar dalam kalangan murid sekolah di Seberang Perai.

“Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MPSP menjayakan program seumpama ini,” katanya sambil menzahirkan ucapan penghargaan kepada pihak sekolah dan para guru yang terlibat dalam program itu.

Hadir sama, Pengurus Besar Sumber Manusia Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd, Suhana Kassim; Pengurus Kewangan Jinko Solar Technology Sdn. Bhd; wakil syarikat Pekat Solar Sdn. Bhd Sam Lee; Ahli-ahli Majlis MPSP; para guru dan lain-lain.

Anugerah Sekolah Hijau 2018 dibahagikan kepada dua kategori, iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah.

Pertandingan akan dinilai berdasarkan empat penilaian utama, iaitu kecekapan sumber asli; 3R (kitar semula, guna semula, kurangkan); inovasi dan kreativiti; kebersihan dan penghijauan serta penglibatan komuniti.

Penyertaan boleh dibuat dengan melengkapkan borang yang boleh didapati di pejabat MPSP.

## Praktik amalan pengasingan sisa di punca demi pulihara alam sekitar, seru Exco

**GEORGE TOWN** - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyeru masyarakat agar mempraktikkan amalan pengasingan sisa di punca dalam kehidupan seharian sebagai langkah untuk menjaga alam sekitar.

Katanya, bermula tahun lepas, Kerajaan Negeri bertindak mewartakan amalan pengasingan sisa di punca sebagai sebahagian daripada undang-undang kecil di kawasan kediaman.

“Jika ada mana-mana pihak gagal melaksanakan undang-undang ini, mereka akan berdepan tindakan saman.

“Ini mencerminkan keseriusan Kerajaan Negeri terhadap program ini (Dasar Pengasingan Sisa Di Punca) dan kesungguhan itu telahpun menampakkan hasil.

“Tapi kita masih jauh ketinggalan dalam program ini dengan catatan rekod 30 peratus (kadar kitar semula) berbanding peratusan keseluruhan negara iaitu 20 - 22 peratus,” ujarnya pada Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca Taman Free School di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam pada itu turut menggesa masyarakat setempat serta seluruh rakyat Pulau Pinang agar tidak membuang sampah di tempat tidak sepatutnya.

“Sebagai ADUN kawasan ini, saya ingin berpesan kepada semua agar tidak membuang sampah sesuka hati kerana ia membawa kesan buruk seperti banjir kilat.

“Pesanan ini juga ditujukan kepada seluruh rakyat Pulau Pinang agar mengamalkan gaya hidup yang baik seperti mengitar semula barang buangan demi melindungi alam sekitar,” serunya.



**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kanan), Ar. Yew Tung Seang (dua dari kiri), barisan Ahli Majlis MBPP dan wakil-wakil penduduk setempat bersama-sama menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca Taman Free School di sini baru-baru ini.**

Sementara itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ar. Yew Tung Seang yang turut hadir pada pelancaran majlis itu menyatakan bahawa MBPP menasaskan kadar kitar semula sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2020.

“Kadar kitar semula di pulau pada tahun 2017 adalah 29.68 peratus bersamaan dengan 100,123 tan sisa kitar semula yang mana dapat menjimatkan RM2.23 juta.

“Untuk makluman kita semua, sebanyak 40 peratus sisa yang dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah di Pulau Burong adalah sampah organik, manakala baki 60 peratus (202,418 tan) adalah sampah am bukan organik yang boleh dikitar semula.

“Kadar kitar semula di negara ini jauh ketinggalan berbanding negara maju seperti Jerman, Austria, Taiwan dan Singapura,” jelasnya.

### TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0

每日无免费塑胶袋 2.0

mulai 01 Mac 2017  
自2017年3月1日起

**P**asaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.  
霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快餐店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

**Pendaftaran boleh dilakukan di:**  
可在以下地点登记:

Bahagian Pelesenan MBPP,  
Dewan Bandaraya, Jalan Padang  
Kota Lama, 10200 Georgetown,  
Pulau Pinang.  
槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran  
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,  
Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang.  
威省市政局一站式柜台

20 = =

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).  
收取的20仙将拨入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama, AES) 计划来作为全州的除贫基金。

Sebarang Pertanyaan / 任何询问:  
Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部: 04-263 8818  
Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部: 04-549 7414

# Anjur APMG bakal beri nilai tambah ekonomi kira-kira RM20 juta kepada Pulau Pinang - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** - Buat julung kalinya, Pulau Pinang bakal menganjurkan temasya sukan antarabangsa berprestij tinggi, *Asia Pacific Masters Games 2018* (APMG 2018) pada 7 hingga 15 September ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng mengesahkan perkara itu pada Majlis Pelancaran Maskot dan Merchandising APMG Penang 2018 dan kiraan detik 200 hari menjelang penganjuran berkaitan.

Menurut Chong Eng, kali terakhir Pulau Pinang memikul tanggungjawab sebagai tuan rumah bagi kejohanan sukan besar adalah pada Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2000.

"Kali ini, kita akan menganjurkan kejohanan antarabangsa berprestij tinggi yang bukan sahaja penting dalam memupuk budaya bersukan, malah juga merupakan acara sukan *Masters* julung kali diadakan di Asia.

"Saya harap dengan penganjuran APMG 2018 ini, ia dapat membuktikan bahawa umur seseorang tidak harus dijadikan ukuran batasan untuk tidak bersukan," katanya pada majlis sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 19 Februari lalu.

Dalam pada itu, Guan Eng yang hadir menyempurnakan pelancaran tersebut percaya bahawa penganjuran temasya sukan tersebut pasti akan menjadi saat kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

"Tidak cukup dengan itu, kemasukan atlet dan peserta daripada 32 negara yang mengambil bahagian akan memberi nilai tambah ekonomi sekurang-kurangnya RM20 juta kepada Pulau Pinang, dan secara tidak langsung menyumbang kepada keuntungan terhadap industri pelancongan negeri, termasuk perhotelan, pengangkutan, penyajian makanan dan pusat membeli-



**GELAGAT** Ketua Menteri bersama-sama CUN mencuit hati Chong Eng (tengah) pada Majlis Pelancaran Maskot dan Merchandising APMG Penang 2018 di sini baru-baru ini.

belah," ujarnya.

Difahamkan, sebanyak 21 acara sukan bakal dipertandingkan, antaranya badminton, renang dan olahraga selain menyenaraikan acara tarian singa sebagai salah satu acara sukan yang dipertandingkan pada temasya APMG 2018.

Dalam majlis tersebut juga, maskot rasmi APMG 2018, CUN iaitu kucing comel berwarna kelabu

turut diperkenalkan yang melambangkan *Capable* (berkebolehan), *United* (sepakat) dan *Noble* (mulia).

Penganjuran APMG 2018 disokong oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan *Malaysia Major Events* (MME).

Maklumat lanjut, sila layari <https://www.apmg2018.com/>.

## "Di Pulau Pinang adalah agak unik kerana kerja 'cari' orang"

**SERI DELIMA** - Melalui penganjuran Pertandingan Bola Keranjang oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) yang memasuki tahun ketiga, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap ia mampu mencungkil lebih ramai bakat pemain muda bagi sukan tersebut di masa depan.

"Melalui pertandingan ini, kita (Kerajaan Negeri) berharap ianya mampu menjana bakat-bakat baharu dalam arena sukan bola keranjang, bukan sahaja untuk Pulau Pinang bahkan negara.

"Suka saya untuk menyatakan juga bahawa pertandingan pada kali ini menunjukkan peningkatan penyertaan dari 56 pasukan tahun lepas kepada 63 pasukan pada tahun ini. Ini termasuk tujuh pasukan wanita," ucapnya pada Majlis Perasmian Pertandingan Bola Keranjang PYDC Kali Ketiga 2018 dekat Lorong Seri Delima 11 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco

Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Guan Eng dalam pada itu menyatakan bahawa Pulau Pinang juga terus membela nasib golongan muda dengan menyediakan peluang pekerjaan yang cukup.

"Di Pulau Pinang agak unik kerana selalunya kita dengar orang cari kerja, tapi di sini, kerja cari orang.

"Saya difahamkan kini kira-kira 20,000 kekosongan jawatan masih menanti anak muda, terutamanya bagi sektor perindustrian sekaligus membuktikan Kerajaan Negeri komited jaga anak-anak muda di negeri ini," jelasnya yang juga ADUN Air Putih.

Kejohanan yang bermula pada 10 Februari lalu dijangka berlangsung selama tiga bulan bagi menentukan juara menggunakan format liga dan kalah mati.

**PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA**  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

**Untuk wanita berumur 35 ke atas**  
\*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

# ZPP fokus pembangunan modal insan demi mengangkat martabat masyarakat Islam Pulau Pinang

**PEMBANGUNAN** modal insan sememangnya penting dalam menangani kemiskinan dan membentuk masyarakat yang berkualiti.

Menyedari hakikat itu, Zakat Pulau Pinang (ZPP) saban tahun sentiasa meningkatkan usaha bagi melaksanakan amanah untuk memenuhi segala keperluan asnaf di negeri ini.

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Agama & Pembangunan Masyarakat ZPP, **MUHAMAD KAIRI GHAZALI**, kutipan zakat tahunan yang sentiasa bertambah membolehkan pusat zakat memenuhi keperluan asnaf pada jumlah yang lebih ramai dan dengan nilai bantuan lebih tinggi berbanding tahun-



**MUHAMAD Kairi Ghazali.**

tahun sebelum ini.

“Sehingga tahun 2017, kutipan zakat harta meningkat sebanyak RM4.5 juta iaitu daripada RM92.1 juta kepada RM96.6 juta dengan bilangan pembayar zakat seramai 65,486 orang.

“Manakala dari segi kutipan zakat fitrah pula, sebanyak RM4.81 juta berjaya dipungut dengan bilangan pembayar seramai 687,819 orang menjadikan jumlah keseluruhan kutipan zakat adalah sebanyak RM101 juta,” katanya kepada wakil Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** pada sesi wawancara khas baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Muhamad Kairi memberitahu, dari segi agihan pula, sebanyak RM99.8 juta wang pembayar zakat telah diagihkan kepada asnaf dalam pelbagai program pada tahun 2017.

Namun begitu katanya, sesetengah masyarakat mungkin tidak merasai impak agihan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan umat Islam kerana fokus utama ZPP adalah untuk membangunkan modal insan dan pendidikan yang mana kesannya dapat dilihat pada masa akan datang.

“Melalui pembangunan modal insan ini, kita (ZPP) mahu hapuskan pemikiran bahawa apabila sesebuah keluarga itu susah maka mereka akan susah

selama-lamanya.

“Pada dasarnya, melalui pembangunan modal insan dan pendidikan inilah yang akan mengubah keadaan masyarakat terutamanya keluarga asnaf itu sendiri,” ujarnya.

Tambah beliau, melalui inisiatif tersebut pelbagai program telah dirangka bermula dari peringkat paling rendah (tadika) hingga ke institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk latihan kemahiran dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM29.4 juta sehingga tahun 2017.

“Bagi peringkat tadika, terdapat 18 tadika Islam di seluruh Pulau Pinang layak menerima sumbangan ZPP yang diberi dalam bentuk geran tahunan dan diuruskan oleh bahagian Jabatan Pendidikan JAIPP (Jabatan Agama Islam Pulau Pinang).

“Di samping itu, kita juga beri sumbangan berkanun dalam bentuk pembayaran caruman KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) kepada guru-guru sekolah agama rakyat (SAR) yang mengajar pendidikan agama Islam dengan peruntukan sebanyak RM870,000.

“Di peringkat sekolah menengah agama rakyat pula, sehingga Februari 2018, sebanyak RM2.4 juta telah diperuntukkan termasuk untuk program biasiswa kecil yang diberikan sebanyak RM600 setahun bagi seorang pelajar,” jelasnya.

Muhamad Kairi menyatakan bahawa bantuan awal persekolahan turut diberikan secara *one-off* kepada anak-anak asnaf.

“Bagi murid sekolah rendah, kita beri RM200 seorang, manakala sekolah menengah (RM250) mengikut permohonan dibuat oleh ibu bapa.

“Selain itu, kita juga sediakan bantuan pakaian seragam sekolah yang melibatkan seramai 15,000 orang penerima,” katanya.

Bagi peringkat pendidikan tinggi pula katanya, ZPP menyediakan bantuan permulaan ke IPT yang diberikan secara



**PROGRAM pemeriksaan kesihatan percuma ZPP untuk masyarakat.**

terus kepada asnaf bermula dari peringkat sijil sehingga ijazah sarjana muda dengan jumlah penerima terkini adalah seramai 1,400 orang.

“Untuk sijil, kita beri sebanyak RM600, diploma (RM800) manakala ijazah sarjana muda (RM1,000) hanya untuk semester pertama sahaja.

“(Dan) apabila mereka masuk ke universiti, kita sediakan pula biasiswa IPT yang dipanggil program tajaan dan diuruskan juga oleh bahagian pendidikan JAIPP,” ujarnya lagi.

Selain itu, menurut Muhamad Kairi, ZPP turut menaja para pelajar untuk menjalani latihan kemahiran yang dilaksanakan dengan kerjasama PSDC (Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang) bagi membuka peluang kepada lebih ramai masyarakat Islam untuk memenuhi keperluan industri di negeri ini.

“Melalui program ini, rakyat yang kurang berkemampuan diberi peluang berkursus dengan PSDC yang mana setakat ini 97 peratus pelajar yang mengikuti kursus ini telah ditawarkan pekerjaan di kawasan perkilangan di Bayan Lepas.

“ZPP juga adakan kerjasama dengan NAZA Academy Sdn. Bhd. dalam bidang automotif

yang mana pelajar terpilih adalah daripada pelajar Maahad Tahfiz dan sekolah agama yang kurang mampu,” jelasnya.

Selain dalam bentuk wang ringgit, katanya, ada juga asnaf yang menerima bantuan dalam bentuk manfaat seperti program didik cemerlang akademik dan program penginapan kasih sayang yang melibatkan pelajar sekolah rendah yang kurang berkemampuan.

“Program didik cemerlang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Lembaga Pembangunan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang (ICU).



**SUMBANGAN barangan keperluan persekolahan oleh ZPP kepada anak-anak asnaf yang layak.**

“Sebanyak 68 sekolah rendah dan sekolah menengah (16) yang kebanyakannya adalah sekolah agama serta sekolah-sekolah bantuan modal terlibat dalam program ini,” katanya.

Walau bagaimanapun, Muhamad Kairi menyatakan, dalam pelbagai usaha yang dilaksanakan, ZPP kekal sinonim dengan institusi bertanggungjawab menguruskan kemiskinan masyarakat Islam yang mana sebanyak RM59.4 juta dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

“Keperluan sebulan untuk tujuan ini adalah sebanyak RM1.1 juta, dan dalam setahun kita belanjakan RM18 juta untuk memenuhi keperluan 3,400 orang asnaf sehingga tahun 2018.

“Ada juga penerima yang memerlukan keperluan semasa seperti makanan asasi dan kelengkapan rumah iaitu seramai 758 penerima di seluruh negeri dengan perbelanjaan bulanan sebanyak RM193,000,” ujarnya.

Antara inisiatif lain yang dilaksanakan ZPP adalah meningkatkan taraf dan kualiti hidup melalui pembinaan serta pembaikan semula rumah asnaf, meningkatkan taraf kesihatan dan program keusahawanan.

Semua inisiatif tersebut sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa demi mengangkat martabat dan taraf hidup masyarakat Islam di negara ini khususnya di Pulau Pinang.

*Terima Kasih Pembayar Zakat*

*Kerana Menunaikan Zakat & Bersama Kami*

*Menyantuni Asnaf Sepanjang Tahun 2017*

**RM99.8 Juta**

*Wang Zakat Anda Kami Agihkan Kepada Asnaf Sepanjang 2017*

[www.zakatpenang.com](http://www.zakatpenang.com)



**“Asnaf Disantuni, Pembayar Dihargai”**



# Bantuan pukak diteruskan hasil pentadbiran CAT

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
 Gambar : **LAW SUUN TING & DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA**  
 - Pentadbiran Cepak, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang diamalkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang membolehkan bantuan pukak kepada nelayan diteruskan dengan dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1,020,000 bagi tahun 2018.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, bantuan pukak pada tahun ini diberikan dalam bentuk baucar.

“Sebelum ini, kita (Kerajaan Negeri) beli pukak dan beri kepada nelayan, tapi timbul banyak masalah.

“Antaranya, jenis pukak yang diberi tidak menepati kehendak nelayan selain pembekal tidak mahu menghantar bekalan pukak kerana kos penghantaran menjadi tinggi selepas pelaksanaan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan).

“Jadi, pada tahun ini, kita (Kerajaan Negeri) ubah kepada sistem baucar yang mana nelayan boleh pergi kepada mana-mana pembekal di tiga tempat, iaitu di Tanjung Piandang, Lebuh Pantai dan Sungai Pinang untuk mendapatkan pukak,” katanya pada Majlis Penyerahan Baucar Nelayan Pesisir Pantai 2018 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, seramai 1,170 nelayan dari tiga daerah di Seberang Perai menerima baucar tersebut.

Sementara itu, di bahagian pulau, Afif turut menyampaikan bantuan sama kepada 1,256 nelayan membabitkan Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya.

Pada majlis berkaitan, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya mengulas tuduhan seorang Timbalan Menteri baru-baru ini yang kononnya bantuan untuk nelayan akan dihapuskan sekiranya PH berjaya merampas pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum (PRU) 14 nanti.

**“Kita (Pakatan Harapan) sama sekali tidak akan hapuskan bantuan elaun sara hidup, subsidi diesel dan lain-lain bantuan kepada nelayan, yang kita akan hapuskan adalah rasuah,”** tegasnya.



**DR. Afif Bahardin (tengah, berkemeja biru laut) ketika menyampaikan sumbangan pada Majlis Penyerahan Baucar Nelayan Pesisir Pantai 2018 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.**


## Apa kata nelayan:



**MOHD. Akhir Saad.**

“Saya sangat bersyukur dan gembira kerana bantuan ini dapat meringankan sedikit beban kami para nelayan.

“Sebelum ini, bila hendak beli barang-barang untuk tangkap ikan duit pula tak cukup sebab harga makin mahal. Kadang-kadang ikan tak dapat, barang pula rosak, jadi baucar ini boleh digunakan untuk beli pukak baru,” **MOHD. AKHIR SAAD**, 56, Bagan Dalam.



**ABDUL Samad Mat Saad.**

“Bantuan ini dapat meringankan beban saya untuk membeli barang-barang yang diperlukan untuk kerja-kerja menangkap ikan.

“Ini tahun keenam saya terima bantuan ini, dan saya berharap Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan ini pada masa akan datang,” **ABDUL SAMAD MAT SAAD**, 70, Bakau Tua.



**KHOR Ching Seang.**

“Tahun ini merupakan tahun kedua saya dapat bantuan pukak ini dan saya ingin berterima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap nelayan di negeri ini.

“Saya akan teruskan sokongan kepada kerajaan yang sedia ada hari ini kerana banyak membantu rakyat,” **KHOR CHING SEANG**, 46, Nibong Tebal.

“Saya akan memanfaatkan baucar ini untuk beli pukak yang sangat diperlukan sekarang ini.

“Saya gembira kerana ini kali pertama saya terima sumbangan ini. Terima kasih



**S. Muniandy.**

Kerajaan Negeri kerana ambil berat terhadap keperluan kami,” **S. MUNIANDY**, 57, Nibong Tebal.



**LIM Chee Yoeng.**

“Saya amat mengharapkan Kerajaan Negeri dapat teruskan bantuan pukak nelayan ini sungguhpun terdapat beberapa masalah.

“Tanya memberi manfaat kepada kami yang tidak mempunyai pendapatan tetap,” **LIM CHEE YOENG**, 42, Pulau Betong.

“Sejak tahun 2013 saya terima bantuan pukak ini, jadi bila naik RM400 ni kami rasa




**TAN Kim Yoong.**

happy lah dan tunjukkan kata Kerajaan Negeri tidak ‘main’ duit tapi dia bagi sama rakyat,” **TAN KIM YOONG**, 42, Pulau Betong.



**MOHD. Zainun Asni.**

“Pada saya, pemberian sumbangan oleh Kerajaan Negeri ini sangat berguna kerana secara tidak langsung mampu ‘cover’ suku daripada keperluan tahunan pukak saya. Anggaran setahun saya memerlukan kira-kira 10 pukak,” **MOHD. ZAINUN ASNI**, 36, Sungai Batu.



**ABDUL Kader Ibrahim.**

“Kira pemberian ini sebenarnya bagi seronok kepada nelayan kerana menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri tolong nelayan, kalau boleh bantu lebih dari ini kami lebih alu-alukan,” **ABDUL KADER IBRAHIM**, 71, Tanjung Tokong.

# MBPP terima anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard 2018

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**  
Gambar : **SU CHIN ENDIN CHUAN**

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengharumkan nama negeri apabila muncul sebagai salah sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negara yang menerima anugerah *ASEAN Clean Tourist City Standard 2018* (ACTC) baru-baru ini.

Pengiktirafan tersebut diperoleh setelah MBPP memenuhi taraf dan ciri-ciri bandar bersih yang ditetapkan di peringkat Asia Tenggara.

Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, anugerah tersebut diterima PBT berkaitan pada Majlis Penyampaian Anugerah ACTC yang berlangsung di Chiang Mai, Thailand 26 Januari lalu.

Bercakap kepada pemberita, Tung Seang menyatakan bahawa anugerah tersebut merupakan pencapaian peranan daripada semua pihak.

“Banyak pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negara yang memohon, tetapi hanya tiga yang diiktiraf sebagai bandar terbersih di Malaysia dan Asia Tenggara.

“Selain kita (MBPP), dua lagi PBT yang turut berjaya merangkul anugerah yang sama ialah Perbadanan Putrajaya dan Majlis Perbandaran Muar,” ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Turut serta pada sidang media tersebut ialah Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Dalam perkembangan sama, Tung Seang turut mengumumkan bahawa Pulau Pinang turut menduduki tempat ketiga dalam mempraktikkan amalan Indeks Bangunan Hijau (GBI) di Malaysia.

“Sebanyak 30 bangunan dengan keluasan lantai



**AR. Yew Tung Seang dan barisan kepimpinan MBPP menunjukkan plak hadiah kemenangan ACTC di sini baru-baru ini.**

kira-kira 11 juta kaki persegi telah diwujudkan di sini dengan anggaran sebanyak 25.4 kiloton setahun dan pelepasan CO<sup>2</sup> akan berjaya dikurangkan.

“MBPP akan meneruskan usaha dan hasrat murni untuk menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, hijau, sihat dan selamat,” jelasnya.

## Trak kendera saji, keperluan permohonan lesen mulai Mac

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan melaksanakan keperluan permohonan lesen bagi trak bergerak meliputi trak makanan, barangan dan perkhidmatan mulai Mac 2018.

Perkhidmatan trak kendera saji (*food truck*) yang dilihat semakin sinonim dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat akan diteliti bagi mewujudkan garis panduan baharu sebelum dilaksanakan nanti.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, untuk tujuan (garis panduan) tersebut, MBPP telah menjalankan beberapa program perbincangan awam, antaranya bersama-sama Persatuan Trak Kendera Saji dan pelancong bagi mendapatkan maklum balas pelbagai pihak.

“Hasil daripada bincangan yang diadakan, lebih daripada 50 peratus responden menerima baik

dan mahukan trak kendera saji diperkenalkan di Pulau Pinang dalam membantu perkembangan ekonomi serta pelancongan negeri,” jelasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP.

Turut serta pada sidang media berkaitan, Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali serta Ahli-ahli Majlis MBPP.

Mengulas lanjut, Ah Teong menjelaskan bahawa pihaknya hanya akan berurusan dengan Persatuan Trak Kendera Saji sahaja bagi tujuan permohonan lesen dan bukan melalui individu perseorangan.

“Bagi mereka yang berminat menjalankan perniagaan sebegini, mereka perlu berurusan dengan persatuan dan pihak berkaitan (persatuan) akan berurusan dengan kita (MBPP) bagi permohonan



**ONG Ah Teong.**

lesen.

“MBPP juga bersifat terbuka mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada trak kendera saji berkelompok agar cadangan pelaksanaan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

“Malah, mereka boleh juga mencadangkan kawasan yang difikirkan sesuai untuk aktiviti perniagaan ini,” jelasnya.

## MBPP akan terus menyelenggara kemudahan sukan, stadium & tanah lapang milikannya – Ahli Majlis

**GEORGE TOWN** – Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang diadakan pada 17 Januari lalu telah membuat ketetapan untuk terus menyelenggara semua kemudahan sukan, stadium, kawasan rekreasi dan tanah lapang milikannya.

Perkara ini dimaklumkan Ahli Majlis MBPP, Nur Zarina Zakaria yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan ketika membentangkan pengesahan keputusan mesyuarat pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Katanya, setelah perbincangan diadakan bersama-sama pelbagai jabatan dan pihak bertanggungjawab, MBPP mengambil maklum dan bersetuju sebulat suara bahawa ia tidak akan diserahkan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

“Selepas membuat penilaian,

hasilnya mendapati bahawa semua kemudahan dan tanah lapang ini telah diselenggara dengan elok dan baik oleh MBPP selama ini.

“Cuma, bagi kerja-kerja menyelenggara ia dilakukan secara berperingkat mengikut jadual.

“Justeru, keputusan sebulat suara telah dicapai bahawa kemudahan-kemudahan ini masih kekal di bawah tanggungjawab MBPP dan tidak akan diserahkan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang untuk diambil alih, kita (MBPP) akan terus menyelenggaranya,” ujarnya lanjut pada sidang media selepas MBM di sini baru-baru ini.

Turut serta, Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali.

Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang yang ditubuhkan tahun lalu adalah untuk memastikan semua prasarana dan kemudahan sukan di negeri ini diuruskan secara berpusat.



# Jalur Merah MPSP siap siaga hadapi bencana

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **MPSP**

**SEBERANG JAYA** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membeli sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) sebagai langkah kesiagaan menghadapi bencana di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, kenderaan bertaraf Euro3 itu dilengkapi pelbagai kemudahan seperti *chasis* 13 tan pacuan empat roda berkuasa 240 (hp), *centrifugal pump* (pam empar) berkapasiti 3,000 liter per minit, tangki air (5,000 liter) dan boleh memuatkan seramai lima hingga enam anggota pada satu masa.

"Berdasarkan pengalaman daripada bencana banjir besar tahun lepas, MPSP telah mengambil langkah proaktif iaitu dengan menjenamakan semula skuad khas sebagai satu jabatan dengan penambahan anggota daripada 152 kepada 172 orang dan membeli sebuah kenderaan MPV berharga RM742,000.

"Kenderaan ini akan digunakan bagi memberi tindak balas semasa bencana seperti kebakaran, banjir, pokok tumbang tumpahan minyak dan sebagainya di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti pembersihan awam.

Menurut Rozali, kenderaan yang dinamakan sebagai Jalur Merah itu juga boleh digunakan untuk memasuki kawasan tidak rata dan berlokap serta kawasan dilanda banjir untuk tujuan menyelamatkan.

"MPV ini juga bertepatan dengan konsep bandaraya rendah karbon kerana menggabungkan fungsi beberapa kenderaan dalam satu kenderaan yang secara langsung menyumbang ke arah pengurangan karbon." ujarnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di sini baru-baru ini.



SR. Rozali Mohamud (empat dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan MPSP ketika melancarkan Jalur Merah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod dan Ahli-ahli Majlis MPSP.

Selain itu, kata Rozali, MPSP juga melancarkan Pelan Pengurusan Risiko Bencana Seberang Perai pada Disember tahun lepas yang terdiri daripada tiga pelan utama, iaitu Pelan Pengurusan Risiko Bencana, Pelan Pengurusan Krisis Bencana serta Pelan Pengurusan Pemulihan Bencana.

"Kita (MPSP) juga akan melancarkan *Seberang Perai Humanitarian, Emergency and Risk Management*

pada Mac 2018 dan program Pembinaan Kapasiti melibatkan kakitangan dari beberapa jabatan untuk meningkatkan kecekapan memberi respons terhadap bencana melalui program-program latihan yang akan dijalankan," jelasnya.

Pada 4 November tahun lepas, banjir besar yang melanda Pulau Pinang telah menjejaskan 8,598 penduduk di tiga daerah di kawasan Seberang Perai yang memaksa MPSP menjalankan kerja-kerja pemulihan selama 12 hari.

## 7,500 penjaja, peniaga kecil terima manfaat pengecualian bayaran lesen secara *one-off*

**SEBERANG JAYA** - Atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, seramai 7,500 penjaja dan peniaga kecil menerima manfaat daripada insentif pengecualian bayaran lesen secara *one-off* tahun ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pengecualian itu diberikan kepada semua penjaja yang memegang lesen di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk MPSP.

"Berdasarkan semakan Jabatan Perlesenan, sehingga 14 Februari 2018, terdapat 631 penjaja telah memperbaharui lesen melibatkan wang berjumlah RM16,987.65.

"Untuk tujuan itu, MPSP mengadakan program bayaran balik lesen yang telah dijelaskan bagi tahun ini pada 6 Mac di Auditorium MPSP," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh MPSP kali kedua di sini baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, Rozali mengingatkan para pemegang lesen penjaja agar memperbaharui lesen masing-masing untuk terus menikmati insentif berkenaan.

"Lesen perlu diperbaharui, tapi penjaja dan peniaga kecil tidak perlu membuat apa-apa bayaran bagi lesen yang dikeluarkan itu.

"Pembaharuan lesen boleh

dibuat di Pejabat MPSP (Bandar Perda) atau mana-mana Pejabat Cawangan MPSP sama ada di Jawi atau Kampung Jawa," jelasnya.

Tambah Rozali, selain pengecualian bayaran lesen, Kerajaan Negeri juga sejak tahun 2009 telah meluluskan pemberian potongan 50 peratus bayaran lesen penjaja bagi

membantu meringankan beban golongan berkenaan.

"Bagi penjaja bergerak, mereka hanya perlu membayar sebanyak RM30 setahun berbanding kadar sebelumnya iaitu RM60, manakala bagi penjaja statik (RM15 setahun) berbanding RM30 sebelum ini," ujarnya.

**TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG**

**BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI:**

<b>JABATAN PERTANIAN</b> +04-537 2142	<b>JABATAN PERIKANAN</b> +04-657 2777	<b>JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR</b> +04-508 4368
--	--	---

# Jangan hanya menanam tebu di pinggir bibir, sebaliknya perlu berani bertindak demi perubahan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**AIR ITAM** - Pelbagai perubahan dapat dilihat dalam tempoh 10 tahun Pulau Pinang di bawah pentadbiran Pakatan Harapan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Antara pencapaian terbesar menurutnya adalah label 'Pulau Pinang Darul Sampah' dahulu dapat dihakiskan sepenuhnya, malah turut mendapat pengiktirafan sebagai salah satu bandar raya terbersih di ASEAN.

"Pulau Pinang kini bukan sahaja lebih bersih tetapi juga lebih hijau, lebih sihat dan lebih selamat.

"Jangan hanya pandai menanam tebu di pinggir bibir sahaja setiap kali menjelang pilihanraya, tetapi mestilah berani bertindak demi melihat perubahan.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) tidak hanya berjanji, sebaliknya juga berani melakukan perubahan ke arah yang lebih baik.

"Selain itu, kita juga beri peluang kepada bakat (modal insan untuk berkembang) bukannya guna 'kabel politik'... contoh terbaik adalah Dato' Maimunah (mantan Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif) yang kini menjawat jawatan tertinggi di UN-Habitat.

"Kejayaan beliau adalah kerana Kerajaan Negeri memberikan peluang untuk melakukan perubahan, dan beliau (Maimunah) sahut peluang itu," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parlimen Bukit Gelugor dekat Padang Desa Mawar di sini 25 Februari lalu.

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai; ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih turut menyeru agar rakyat berani membuat perubahan pada Pilihanraya Umum (PRU) akan datang.

"Hal ini kerana, rakyat kini kian berasa tertekan dengan pelaksanaan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan).

**"Sekiranya Pakatan Harapan menang pada PRU nanti dan berjaya ke Putrajaya, kita akan hapuskan GST sama sekali kerana apa, kerana di Pulau Pinang kita telah buktikan tanpa kutip GST pun kita mampu berkongsi sama rakyat (melalui Program-program Emas).**

**"Kalau kita (Pakatan Harapan) menang Putrajaya, BR1M (insentif bantuan rakyat) akan kekal dibayar... Tuan-tuan tahu tak, Kerajaan Persekutuan kutip GST setahun hampir RM45 bilion, tetapi beri sama rakyat cuma RM7 bilion (melalui BR1M).**

**"Bukan itu sahaja, sekiranya GST tidak dihapuskan, ia akan terus naik sama seperti di Singapura yang kini 9 peratus GSTnya.. Sedangkan mereka mula dengan 3 peratus sahaja, tetapi di Malaysia kita mula dengan 6 peratus, silap-silap boleh kena sampai 18 peratus."** ujanya.

Guan Eng juga memaklumkan bahawa Pulau Pinang seringkali didiskriminasikan.

"Mana tidaknya, wang untuk bantuan mangsa banjir Pusat diperuntukkan RM235 juta, tetapi Pulau Pinang hanya terima RM35,500...ini bukan diskriminasi? Sedangkan di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memberikan bantuan (kepada mangsa banjir) seperti yang dijanjikan.

"Sebab itu, saya menyeru agar kita semua berani buat perubahan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara kita pada masa hadapan khususnya di Pulau Pinang," serunya sambil melaungkan kata-kata semangat perayaan.

Selain juadah yang menyelerakan dihidang, hampir 1,000 tetamu yang hadir turut diraikan dengan pelbagai persembahan termasuk paparan visual 'Suara Rakyat' 10 tahun di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang'.



AHLI Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid (duduk, kanan sekali) dan D.R. Kala (duduk, kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama beberapa jemputan pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parlimen Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

**PIFF**  
Penang International Food Festival

**14-29 APRIL 2018**  
SIZZLING FOOD AND CULTURE!

**STREET FOOD FESTIVAL**  
14 - 15 APRIL

**TASTE OF PENANG**  
21 - 22 APRIL

**FOOD TRUCK INVASION**  
28 - 29 APRIL

• Penang Assam Laksa takes 7th place in CNN's listing of the World's 50 Most Delicious Foods

• Two of Penang's street food made it into the World Street Food Top 50 list at the World Street Food Congress 2017

• CNN listed Penang as one of the 17 Best Places To Visit In 2017

www.piff.com.my Penang International Food Festival

Organiser Endorsed by Supported by

TUM Penang

# Exco percaya wanita boleh tampil ubah keadaan politik negara

Teks & Gambar :  
**SUNARTI  
YUSOFF**

## PENANTI -

Penganjuran Fiesta Sukan Komuniti diharap dapat mengeratkan lagi hubungan masyarakat di negeri ini, kata Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Menurutnya, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri

Pulau Pinang untuk terus menguatkan komuniti dan rakyat terutama golongan Hawa bersempena Sambutan Hari Wanita bulan ini.

“Wanita memainkan peranan yang sangat penting bukan sahaja kepada keluarga, malah juga untuk masyarakat, komuniti dan negara.

“Sambutan Hari Wanita sangat signifikan kerana pada 10 tahun lalu, kita (wanita) berani mengubah Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada ditadbir Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH).

“Saya juga percaya wanita boleh tampil ke hadapan untuk mengubah keadaan politik negara ini,” ucapnya pada Majlis Penutup Fiesta Sukan Komuniti dekat Kampung



ACARA tarik tali yang menjadi tumpuan.

Mengkuang Titi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Ali Sebran; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Sebanyak RM25,000 telah disumbangkan oleh pejabat Exco Belia & Sukan,

CHONG Eng (berdiri, dua dari kanan), Dr. Wan Azizah Wan Ismail (berdiri, tiga dari kanan) dan Dr. Afif Bahardin (berdiri, empat dari kanan) pada penganjuran Fiesta Sukan Komuniti di sini baru-baru ini.



Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti bagi menjayakan program tersebut.

Pelbagai acara menarik turut dipertandingkan, antaranya tarik tali, bola sepak, mewarna, gubahan bunga dan banyak lagi.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang memberitahu, Kerajaan Negeri juga sedang merangka pelbagai usaha untuk mewujudkan komuniti yang menghormati sumbangan golongan wanita.

“Antaranya, dengan memperkenalkan dasar baru seperti pemberian sumbangan

RM300 kepada ibu-ibu yang bekerja dan mempunyai anak berusia enam tahun dan ke bawah.

“Selain itu, dalam manifesto PH juga kita cadangkan agar wanita diberi caruman KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), iaitu selain sumbangan daripada kerajaan, sebanyak dua peratus caruman suami akan disumbangkan kepada isteri supaya golongan wanita mempunyai simpanan pada umur persaraan mereka.

“Kita (PH) mahu bawa lebih banyak perubahan kepada Malaysia termasuk untuk golongan wanita dan ibu,” tegasnya.

## Kelas pengkodan babit 30 pelajar KADUN Datuk Keramat sebagai pendedahan awal

### DATUK KERAMAT -

Seramai 30 pelajar sekolah rendah dan menengah sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat menyertai kelas percubaan di bawah Program Pembelajaran Digital, ‘Kids Can Code’ di Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, kelas percubaan pengkodan tersebut akan memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah.

“Saya tidak mahu pelajar-pelajar kita ketinggalan jauh di belakang memandangkan kini negara menuju ke arah Revolusi Industri 4.0.

“(Dan) pendedahan mengenai pengkodan serta pengaturcaraan komputer ini sangat penting dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bertaraf antarabangsa dan pintar,” katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Bharati dan Pengarah Eksekutif Teleport Technologies Sdn. Bhd. (Teleport), Kee Chong Wei.

Jagdeep dalam pada itu berharap agar program seumpama itu dapat diteruskan pada



JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja kuning) bersama-sama pelajar dan waris pelajar yang hadir pada kelas percubaan ‘Kids Can Code’ di sini baru-baru ini.

masa hadapan dengan penumpuan ditingkatkan mengikut tahap pemahaman pelajar.

“(Kelas) ini hanya kelas permulaan untuk pelajar berumur antara tujuh hingga 15 tahun, dan sekiranya mereka berminat untuk menyertai kelas lanjutan, difahamkan turut disediakan dengan bayaran yang minimum setiap bulan,” ujarnya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan.

Program ‘Kids Can Code’ merupakan program secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan merupakan kolaborasi antara CMI dan Teleport.

Maklumat lanjut, boleh layari laman sesawang [www.teleport.com](http://www.teleport.com).

## Taman Kejiranan Persiaran Sungai Emas bakal berwajah baharu

### TANJUNG BUNGA

Sempena pelancaran *My Taman, My Tanjung Bungah* baru-baru ini, Taman Kejiranan Persiaran Sungai Emas dipilih sebagai projek perintis dalam usaha menaik taraf lokasi-lokasi berkaitan termasuk taman poket sekitar di sini.

Menurut Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, dalam memaksimumkan penggunaan taman kejiranan dan taman poket, ianya perlu dinaik taraf terlebih dahulu agar bersesuaian dengan aktiviti luar masyarakat.

“Di sini (Taman Kejiranan Persiaran Sungai Emas), kita ambil keputusan untuk menaik taraf kemudahan seperti trek larian yang lebih bersesuaian, peralatan gim luaran, penambahan bangku, pemasangan lampu L.E.D, sudut seni dan pembinaan platform untuk aktiviti senaman zumba.

“Bagi kawasan tembok di belakang dan tiang-tiang terbiar di sini pula akan diwujudkan sudut seni dengan kerjasama Sekolah Antarabangsa Uplands serta Kolej Han Chiang,” jelasnya ketika mengadakan



ZAIRIL Khir Johari (tengah), Chris Lee Chun Kit (tiga dari kanan), Syerleena Abdul Rashid (tiga dari kiri) bersama-sama wakil-wakil MBPP dan penduduk setempat pada lawatan ke Taman Kejiranan Persiaran Sungai Emas di sini baru-baru ini.

lawatan baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan Chris Lee Chun Kit.

Syerleena pada sidang media tersebut memberitahu, usaha menaik taraf sebegitu adalah sangat penting dalam memupuk semangat milikan masyarakat terhadap kemudahan yang disediakan.

Difahamkan, tiga lagi taman, iaitu Taman Kejiranan Sungai Emas, Taman Rekreasi Loh Poh Heng dan Tanah Lapang Hillside juga bakal dinaik taraf.

# Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang dicadang sebagai acara antarabangsa 2019

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang yang berlangsung pada 24 dan 25 Februari baru-baru ini mencatatkan sejarah dengan kehadiran 180,000 pengunjung.

Ketua Pegawai Eksekutif AKA Balloon Sdn. Bhd., Nur Izzati Khairudin berkata, sasaran awal pengunjung adalah seramai 100,000 orang sahaja.

"Pada hari pertama (24 Februari), hanya 50,000 pengunjung yang hadir ekoran hujan pada sebelah petangnya.

"Tetapi pada hari kedua, 130,000 pengunjung dicatatkan dan saya sendiri tidak pernah melihat seramai itu dengan keadaan padang (Padang Polo) yang penuh," ujarnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini 26 Februari lalu.

Lebih bermakna, majlis perasmian penganjuran disempurnakan Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri.

Izzati dalam pada itu turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), *Penang Global Tourism* (PGT), TLM Events Sdn. Bhd. serta rakan-rakan penaja lain kerana berterusan menyokong acara yang memasuki tahun keempat itu.

Sementara itu, Guan Eng

pada hari pertama penganjuran berjanji akan berusaha lebih baik agar ianya menjadi pesta tahunan yang lebih rancak.

"Malah, tahun ini kita (Pulau Pinang) gembira menerima penyertaan dari sebuah Kerajaan Tempatan iaitu Taitung dari Taiwan.

"Jika di sini (Pulau Pinang) pesta belon ini hanya berlangsung selama dua hari, tetapi di Taitung ia dilaksanakan selama dua bulan.

"Sudah tentunya kita perlu belajar daripada mereka, dan diharap selepas perbincangan akan ada berita baik yang akan diumumkan kemudian agar pesta ini dapat dilaksanakan lebih rancak dan hebat selaras dengan slogan Penang~Cun.

"Malah, saya rasa tahun hadapan, kita perlu tukar nama (acara ini) kepada Fiesta Belon Udara Panas Antarabangsa Pulau Pinang atau *Penang International Hot Air Balloon Fiesta* kerana kejayaan penganjurannya tahun ini," ujarnya.

Pada penganjuran kali ini, terdapat 16 belon udara panas berbanding hanya 15, tahun lalu.

Pelbagai belon udara panas berwarna-warni dan bentuk menghiasi ruang udara di sini antaranya *Owlbert Eyenstein*, *Pirate Parrot*, watak filem *Star Wars 'Yoda'*, *Little Dog* bersempena Tahun Baru Cina, *Busby* dan *Fire Engine*.



SUASANA pada malam pelancaran.



RAKAMAN dari ruang udara.



SEBAHAGIAN belon udara panas pelbagai bentuk menghiasi ruang udara Padang Polo.